



D.R. 15 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2023

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Glosari	iii
<u>BAHAGIAN I</u> <i>Pengenalan</i>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> <i>Latar Belakang Rang Undang-Undang</i>	
• Latar Belakang Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023	4
<u>BAHAGIAN III</u> <i>Pembentangan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</i>	
• Pembentangan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	5
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>Isu-isu Semasa Prosiding Jawatankuasa</i>	
• Isu-isu semasa Prosiding Jawatankuasa	9
<u>BAHAGIAN V</u> <i>Rumusan dan Syor Jawatankuasa</i>	
• Rumusan dan Syor Jawatankuasa	12
<u>BAHAGIAN VI</u> <i>Penghargaan</i>	
• Penghargaan	13

LAMPIRAN

Lampiran A : Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 – D.R. 33/2023

Lampiran B : Pembentangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023
oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Risalat

- Laporan Prosiding mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bilangan 8 Tahun 2023

GLOSARI

BNM	Bank Negara Malaysia
CRM	Corporate Rescue Mechanism
CVA	Corporate Voluntary Arrangement
FATF	Financial Action Task Force
FSA	Financial Services Act
JKPK	Jawatankuasa Pilihan Khas
JM	Judicial Management
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
MOF	Kementerian Kewangan
OECD	Organization for Economic Co-operation and Development
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
PDRM	Polis Diraja Malaysia
RUU	Rang Undang-Undang
SC	Securities Commission
SPK	Skim Perkiraan dan Kompromi
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa") berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. Meneliti Rang Undang-Undang (RUU) yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
 - ii. Meneliti usul, RUU persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
 - iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya; dan
 - iv. Melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilihan telah membentangkan penyatannya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin
(Ahli Parlimen Rasah merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Tuan Edwin anak Banta
(Ahli Parlimen Selangau)
- iii. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan
(Ahli Parlimen Keningau)
- iv. Yang Berhormat Tuan Manndzri bin Nasib
(Ahli Parlimen Tenggara)

- v. Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing
(Ahli Parlimen Gopeng)
- vi. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim
(Ahli Parlimen Pasir Gudang)
- vii. Yang Berhormat Dato' Dr. Ronald Kiandee
(Ahli Parlimen Beluran)
- viii. Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid
(Ahli Parlimen Hulu Terengganu)
- ix. Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya
(Ahli Parlimen Sungai Besar)

Pendekatan Tugas Kerja

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian telah melantik ex-officio daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bilangan 8 Tahun 2023 pada hari Selasa, 24 Oktober 2023 dengan memanggil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa berkenaan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2023

1. Pada hari Selasa, 10 Oktober 2023, Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) 2023 dibacakan kali yang pertama oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Yang Berhormat Senator Hajah Fuziah binti Salleh.
2. Bacaan kali yang kedua RUU telah dimulakan pada 12 Oktober 2023 dan pembentangan RUU akan disambung pada hari Selasa, 28 November 2023. Yang Berhormat Datuk Armizan Mohd Ali Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas)(Memangku Tugas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) telah mencadangkan supaya RUU tersebut diteliti oleh Jawatankuasa ini.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 8 Tahun 2023 pada hari Selasa, 24 Oktober 2023 telah diadakan bagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 seperti di **Lampiran A** dan mendengar taklimat daripada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di **Lampiran B**. Jawatankuasa telah memanggil wakil-wakil daripada:
 - i. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN);
 - ii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - iii. Bank Negara Malaysia (BNM).

BAHAGIAN III

PEMBENTANGAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Ringkasan pembentangan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia berkenaan rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

A. MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT

1. Jawatankuasa mengambil maklum kekangan perkiraan sukarela korporat (CVA) yang hanya terhad bagi syarikat persendirian yang tidak mempunyai gadaian ke atas asetnya.
2. Jawatankuasa mengambil maklum limitasi peruntukan sedia ada tidak dapat dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat awam dan terutamanya syarikat-syarikat persendirian kerana undang-undang sedia ada tidak membenarkan syarikat persendirian dengan cagaran memohon bagi rehabilitasi secara CVA.
3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa peruntukan sedia ada menjamin hak pemiutang bercagar di mana CVA tidak boleh diteruskan tanpa persetujuan pemiutang bercagar.
4. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SSM berkenaan skop pemakaian CVA akan diperluaskan kepada semua syarikat tanpa mengira sama ada syarikat mempunyai kepentingan cagaran ke atas asetnya ataupun tidak.
5. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pengurusan kehakiman (JM) terpakai kepada semua syarikat kecuali syarikat yang dikawal selia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau undang-undang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Selain itu, syarikat senaraian awam tidak layak untuk memohon JM.
6. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SSM untuk memperjelaskan peruntukan-peruntukan sedia ada agar permohonan JM dapat diperluaskan kepada semua syarikat termasuk syarikat senaraian awam. Dengan pindaan ini, semua syarikat yang menghadapi masalah kewangan termasuk syarikat senaraian awam dapat memanfaatkan JM sebagai mekanisme untuk merehabilitasikan perniagaan syarikat tersebut.
7. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai pengecualian di bawah RUU ini di mana CVA dan JM tidak terpakai kepada:
 - i. Syarikat yang dilesenkan oleh BNM;

- ii. Syarikat yang diluluskan atau dilesenkan di bawah Bahagian-Bahagian II, III, IIIA dan VIII Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; atau
 - iii. Syarikat yang diluluskan di bawah Bahagian II Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.
8. Jawatankuasa mengambil maklum dengan keterangan SSM bahawa pindaan ini juga membolehkan lebih banyak syarikat dapat memanfaatkan mekanisme ini melalui rundingan luar mahkamah. Seterusnya, ia juga dapat mengurangkan kos rehabilitasi syarikat yang menghadapi masalah kewangan melalui proses yang kurang formal.

B. MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

9. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Skim Perkiraan dan Kompromi (SPK) digunakan untuk menstruktur semula syarikat supaya lebih kukuh atau untuk tujuan memasuki skim kompromi dengan pemiutang. Selain itu, pelan rehabilitasi melalui SPK mempunyai prospek yang lebih baik untuk berjaya memulihkan syarikat itu.
10. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan berkaitan pindaan ini adalah untuk memperkukuh kerangka SPK agar selari dengan bidang kuasa negara-negara lain.
11. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya SPK ini dapat membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk terus beroperasi dan menyumbang kepada ekonomi.
12. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan SSM dengan memperjelaskan pelantikan pengamal insolvensi berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi yang dicadangkan termasuk kewajipan, saraan dan hak aksesnya kepada semua rekod syarikat.
13. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan SSM dengan memperjelaskan polisi berhubung prosedur sedia ada bagi permohonan perintah halangan. Syarikat boleh mendapatkan perintah halangan tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perintah halangan itu diberikan dan suatu lanjutan tidak melebihi sembilan bulan boleh diberikan jika ia memenuhi keperluan.
14. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan SSM dengan memperkenalkan tempoh moratorium yang tidak melebihi dua bulan yang berkuat kuasa selepas pemfailan suatu perintah halangan di bawah SPK bagi tujuan mengelak penyalahgunaan proses, tempoh *cooling off period* 12 bulan diperkenalkan sebelum permohonan baharu SPK dibenarkan jika perintah halangan telah diberikan.

15. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan SSM dengan memperkenalkan pembiayaan penyelamat (*rescue financing*) untuk syarikat dalam suatu SPK dan supaya pembiayaan penyelamat diberikan penarafan keutamaan paling tinggi sekiranya berlaku penggulungan.
16. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan SSM dengan memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengarahkan persetujuan kelas pemiutang (*cram down*) setelah mahkamah berpuas hati bahawa kepentingan kelas pemiutang yang menentang tidak terjejas apabila meluluskan SPK.
17. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SSM supaya perintah JM boleh dilanjutkan untuk tempoh enam bulan atau suatu tempoh lebih lama supaya perintah JM yang diluluskan akan terus berkuatkuasa melebihi 12 bulan.
18. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan SSM di mana pembiayaan penyelamat untuk syarikat boleh dipohon oleh syarikat di bawah perintah JM.
19. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan SSM dengan membenarkan pemiutang bercagar untuk mendapatkan semula harta alih bercagar semasa tempoh moratorium CVA dan JM.
20. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SSM dengan memperkenalkan polisi baharu bagi menangani fasal berkaitan insolvensi di bawah mana-mana kontrak di mana pembekalan barangan dan perkhidmatan penting tidak terhalang antara pembekal dan syarikat yang melaksanakan SPK, CVA atau JM.

C. MEMPERKUKUH KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL

21. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa jurang perundangan yang perlu diatasi supaya selaras dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh agensi-agensi antarabangsa seperti FATF dan OECD.
22. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa penambahbaikan ini akan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan dengan SSM akan membantu agensi penguatkuasaan dan kawal selia termasuk PDRM, BNM dan SPRM untuk memudahkan siasatan dan membanteras jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti perniagaan seperti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.
23. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SSM untuk memperkenalkan definisi baharu "pemunya benefisial" dengan merujuk kepada orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau yang mempunyai kawalan mutlak ke atas

suatu syarikat dan termasuk seseorang individu yang mempunyai kawalan berkesan mutlak ke atas sesuatu syarikat. Selain itu, Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenal pasti pemunya benefisial.

24. Jawatankuasa mengambil maklum keperluan untuk mengadakan, menyimpan dan menyelenggarakan daftar pemunya benefisial.

D. MENAMBAH BAIK AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

25. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kepentingan SSM memastikan tahap tadbir urus yang tinggi dan menambah baik Akta Syarikat 2016 untuk menggalakkan pematuhan dan memudahkan urusan perniagaan. Selain itu, polisi-polisi baharu diperkenalkan secara berterusan bagi mencerminkan keperluan semasa komuniti korporat untuk kecekapan lebih tinggi dan tadbir urus yang lebih baik.
26. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM bagi menangani isu-isu praktikal di mana tiada lagi edaran surat khabar fizikal secara meluas di seluruh Malaysia dan untuk mengurangkan kos pengiklanan yang tinggi, laman sesawang rasmi SSM boleh digunakan untuk menerbitkan maklumat dan warta menggantikan keperluan perundangan tersebut.
27. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM bahawa Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi memastikan bahawa prinsip kebebasan juruaudit dikekalkan berkaitan pelantikan juruaudit yang mempunyai pasangan yang bekerja dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang akan diaudit oleh firma audit itu.
28. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SSM yang menghendaki penyelesaian melaporkan butir-butir mereka kepada Pendaftar selepas lesen diluluskan.

BAHAGIAN IV

ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA

Setelah mendengar pembentangan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Ahli-ahli JKPK membangkitkan isu-isu berikut:

A. MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT

1. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM bahawa rasional CVA dan JM tidak terpakai kepada syarikat yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), syarikat yang diluluskan atau dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan syarikat yang diluluskan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 kerana syarikat-syarikat tersebut tertakluk kepada pelaporan tadbir urus dan polisi kewangan spesifik yang dikawal selia sepenuhnya oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti (SC).
2. Jawatankuasa mengambil maklum pindaan RUU ini sangat penting dan baik kerana keperluan ekonomi negara untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang terjejas selepas mengalami kesan pandemik COVID-19.
3. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM bahawa badan kehakiman di Malaysia adalah sebuah badan yang bebas dan sentiasa patuh kepada polisi dan prinsip kebebasan badan kehakiman supaya mengelakkan *conflict of interest* di dalam mana-mana prosiding mahkamah termasuk pengurusan kehakiman (JM).
4. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai pembiayaan penyelamat kepada syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan 'hampir gulung tikar' oleh institusi pembiayaan yang dapat menawarkan suntikan dana akan diberikan penarafan keutamaan tertinggi dalam kalangan pemiutang tidak bercagar (*unsecured creditors*).
5. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SSM mengenai pindaan RUU ini akan memberikan dorongan kepada institusi pembiayaan yang memberikan suntikan dana dalam tempoh rehabilitasi. Sekiranya syarikat berjaya dipulihkan, bank tersebut akan mendapat pulangan bersekali dengan dividen atau faedah.
6. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM bahawa hak pemiutang bercagar (*secured creditors*) di bawah perundangan sedia ada tidak terjejas.
7. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM bahawa semasa krisis ekonomi pada tahun 1998 dan 1999, mekanisme penyelamat korporat bagi syarikat Danaharta dan Danamodal tertakluk kepada perundangan terdahulu

yang telah pun dimansuhkan. Justeru, mekanisme penyelamat korporat telah dimasukkan dalam Akta Syarikat 2016.

8. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa mekanisme penyelamat korporat perlu ditambah baik kerana melihat negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Singapura yang telah memperkenalkan konsep *rescue financing* dan *cramdown* iaitu kuasa mahkamah untuk memberikan perintah persetujuan.

B. MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

9. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai tempoh perintah halangan atau moratorium yang diberikan kepada syarikat yang memohon skim rehabilitasi itu supaya tidak diganggu oleh permohonan-permohonan kreditor untuk syarikat itu digulungkan ialah maksimum sehingga 12 bulan.
10. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai perundangan sedia ada di bawah Akta Syarikat 2016 telah pun menjaga kepentingan *secured creditors* atau pemiutang-pemiutang yang memegang gadaian.
11. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan YB Pengerusi mengenai rehabilitasi institusi yang membolehkan syarikat mendapat peluang kedua sebelum tindakan undang-undang seperti penggulungan syarikat dibuat. Hal ini akan menyebabkan pihak bank perlu mengetatkan syarat pinjaman di masa akan datang yang akhirnya akan memberi implikasi terhadap ekonomi pasaran secara keseluruhan.
12. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai konsep rehabilitasi syarikat ini yang sebenarnya akan menguntungkan institusi-institusi kewangan di mana syarikat akan berupaya membayar hutang dengan lebih banyak lagi berbanding apabila syarikat itu digulungkan.
13. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai sesi konsultasi dan libat urus meluas dengan pelbagai pihak seperti badan kawalselia, badan profesional dan institusi kewangan termasuk BNM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Islam Malaysia (AIBIM). Secara amnya pihak-pihak berkepentingan ini menyokong dan menyambut baik berhubung pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh SSM.

C. MEMPERKUKUH KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL

14. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Malaysia sebagai ahli kepada FATF sejak tahun 2016 perlu mematuhi penarafan antarabangsa tersebut dan peruntukan untuk mengawal atau memerangi aktiviti pengubah wang haram dan pembiayaan keganasan. Seterusnya, pada tahun 2024 dan 2025 Malaysia akan dinilai sekali lagi dan sekiranya berlalu ketidakpatuhan ia boleh mengakibatkan negara disenarai hitam yang akan memberi implikasi ke atas ekonomi.
15. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa skop dan definisi pemunyaan benefisial yang sudah bertambah adalah untuk mematuhi piawaian antarabangsa FATF. Peratusan pemegang saham di Malaysia sebanyak 20 peratus supaya selari dengan *controlling interest* yang didefinisikan di bawah Akta Syarikat 2016.

D. MENAMBAH BAIK AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

16. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM yang tidak menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan (MOF) dan merupakan *self-sustained body*. Oleh itu, pelaksanaan CVA dan JM tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan.
17. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai sistem interim yang menyimpan maklumat pemunyaan benefisial dibangunkan sendiri oleh SSM akan siap pada bulan November ini. Pembangunan sistem ini juga ditanggung sendiri oleh SSM.
18. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan SSM mengenai satu lagi sistem besar yang sedang ditambah baik dan dibangunkan oleh SSM ialah *core system* yang akan merangkumi juga semua serah simpan secara elektronik (*electronic lodgement*) termasuk *beneficial ownership* dalam sistem teras SSM yang dijangka akan selesai pada tahun 2025.

BAHAGIAN V

RUMUSAN DAN SYOR JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa berpandangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 bertujuan untuk memperkukuhkan ‘*Corporate Rescue Mechanism*’ (CRM) dan memastikan syarikat-syarikat mematuhi amalan tadbir urus yang lebih telus, berakauntabiliti dan berhemat.
2. Jawatankuasa bersetuju dengan semua cadangan SSM mengemukakan pindaan rang undang-undang ini untuk menambah baik peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777).
3. Jawatankuasa bersetuju bahawa pindaan RUU ini dapat membantu komuniti usahawan yang entiti perniagaan mereka terkesan dan menghadapi masalah kewangan dengan memberikan ruang untuk bangkit semula daripada berdepan risiko penggulungan syarikat.
4. Jawatankuasa bersetuju bahawa pindaan RUU ini juga dapat meningkatkan tanggungjawab syarikat dalam memberikan laporan maklumat kepada SSM mengenai data-data berkaitan pemunyaan benefisial.
5. Jawatankuasa bersetuju bahawa pindaan RUU ini juga adalah untuk mematuhi piawaian antarabangsa dan menyokong penilaian FATF ke atas Malaysia pada tahun 2024 dan 2025 kelak.
6. Sehubungan itu, Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 lulus pada semua peringkat Bacaannya di Dewan Rakyat.

BAHAGIAN VI

PENGHARGAAN

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian dan juga kepada Kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:

- i. Parlimen Malaysia;
- ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup;
- iii. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
- iv. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan;
- v. Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
- vi. Bank Negara Malaysia

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

**LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2023

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - D.R. 33/2023	1
2	Lampiran B	Pembentangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia	53

D.R. 33/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 2016.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif “pemunya benefisial” dengan takrif yang berikut:

“pemunya benefisial” ertinya—

- (a) berhubung dengan syer, pemilik mutlak syer itu dan tidak termasuk penama bagi apa-apa perihalan; dan
- (b) berhubung dengan suatu syarikat, seseorang sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 60A;’.

Penggal baharu 8A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 60 Penggal yang berikut:

“Penggal 8A

*Pemunyaan Benefisial***Pemunya benefisial syarikat**

60A. (1) Seseorang ialah pemunya benefisial bagi suatu syarikat jika orang itu ialah orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau yang mempunyai kawalan mutlak ke atas suatu syarikat dan termasuk seseorang yang mempunyai kawalan berkesan mutlak ke atas sesuatu syarikat.

(2) Pendaftar boleh mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenal pasti pemunya benefisial bagi suatu syarikat.

Daftar pemunya benefisial syarikat

60B. (1) Tiap-tiap syarikat hendaklah menyimpan suatu daftar pemunya benefisial syarikat itu dan merekodkan dalam daftar itu—

- (a) nama penuh, alamat, kewarganegaraan, pengenalan dan tempat kediaman biasa orang yang merupakan pemunya benefisial syarikat itu;
- (b) tarikh orang itu menjadi seorang pemunya benefisial syarikat itu;
- (c) tarikh orang itu terhenti daripada menjadi pemunya benefisial syarikat itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Daftar pemunya benefisial syarikat hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu atau mana-mana tempat lain di Malaysia sebagaimana yang diberitahu kepada Pendaftar.

(3) Syarikat hendaklah menyerahkan simpan dengan Pendaftar suatu notis tentang apa-apa perubahan kepada butir-butir dalam daftar pemunya benefisial syarikat.

(4) Apa-apa notis yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) hendaklah diserahkan simpan dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu direkodkan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu.

(5) Syarikat hendaklah memegang simpan maklumat seseorang yang telah direkodkan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu sebagai pemunya benefisial tetapi kemudiannya terhenti menjadi pemunya benefisial syarikat itu selama tujuh tahun dari tarikh orang itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(7) Pendaftar hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang perlu disimpan di bawah subseksyen (1) dan diserahkan simpan di bawah subseksyen (3).

(8) Daftar pemunya benefisial suatu syarikat hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam daftar di bawah Akta ini.

(9) Menteri boleh, berhubung dengan akses kepada daftar pemunya benefisial syarikat yang disimpan di pejabat berdaftar sesuatu syarikat itu atau maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan simpan dengan Pendaftar, menetapkan—

(a) mana-mana orang atau golongan orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial syarikat atau maklumat pemunyaan benefisial;

- (b) cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar pemunya benefisial syarikat atau maklumat pemunyaan benefisial; dan
- (c) fi bagi pembekalan maklumat pemunyaan benefisial.

(10) Dalam seksyen ini, “pengenalan” ertinya, dalam hal mana-mana orang yang dikeluarkan dengan kad pengenalan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959, nombor kad pengenalan itu, dan dalam hal seseorang itu tidak dikeluarkan dengan kad pengenalan, butir-butir pasport atau keterangan pengenalan lain yang seumpama sebagaimana yang ada.

Kuasa syarikat untuk menghendaki penzahiran pemunya benefisial syarikat

60c. (1) Suatu syarikat hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana anggota syarikat dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk memaklumkan syarikat sama ada anggota itu merupakan pemunya benefisial syarikat itu atau jika anggota itu bukan pemunya benefisial syarikat itu, setakat yang mungkin untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang itu dengan nama dan dengan butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti sebagai pemunya benefisial syarikat itu; dan
- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 60B(1).

(2) Jika suatu syarikat mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang merupakan pemunya benefisial syarikat itu, syarikat itu hendaklah melalui notis secara bertulis, menghendaki orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada orang itu merupakan pemunya benefisial syarikat itu atau jika orang itu bukan pemunya benefisial syarikat itu, untuk

menyatakan sama ada orang itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain merupakan pemunya benefisial syarikat itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir mengenai orang lain itu yang dalam pengetahuannya; dan

(b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 60B(1).

(3) Jika suatu syarikat mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana anggota atau orang mengetahui identiti orang yang merupakan pemunya benefisial syarikat itu, syarikat itu hendaklah melalui notis secara bertulis menghendaki anggota atau orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

(a) untuk menyatakan bahawa sama ada orang itu mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain itu merupakan pemunya benefisial syarikat itu dan memberikan apa-apa butir-butir orang lain itu yang dalam pengetahuannya; dan

(b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 60B(1).

(4) Apabila suatu syarikat menerima maklumat daripada seseorang yang kepadanya notis diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3), syarikat itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh maklumat itu diterima, merekodkan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu—

(a) tarikh notis yang menghendaki maklumat itu telah dikeluarkan; dan

(b) butir-butir maklumat yang diterima daripada orang itu.

(5) Jika suatu syarikat mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perubahan telah berlaku terhadap butir-butir pemunya benefisial syarikat yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu, syarikat hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial syarikat itu—

(a) untuk mengesahkan sama ada perubahan itu telah berlaku atau tidak; dan

(b) jika perubahan itu telah berlaku—

(i) untuk menyatakan tarikh perubahan itu; dan

(ii) untuk memberikan butir-butir mengenai perubahan itu.

(6) Jika suatu syarikat mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa butir-butir pemunya benefisial syarikat yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial syarikat mungkin tidak betul, syarikat itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial syarikat itu untuk mengesahkan sama ada butir-butir itu adalah betul, dan jika tidak betul, untuk memberikan butir-butir yang betul.

(7) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (1), (2), (3), (4), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana notis di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan melainkan jika orang itu membuktikan bahawa maklumat yang diperkatakan itu telah berada dalam milikan syarikat itu atau bahawa kehendak untuk memberikan maklumat itu adalah atas apa-apa sebab lain yang remeh atau menyusahkan.

(9) Mana-mana orang yang berupa mematuhi mana-mana notis di bawah seksyen ini membuat apa-apa pernyataan yang dia tahu adalah palsu atau dengan melulu membuat apa-apa pernyataan palsu melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemunya benefisial syarikat untuk memberikan maklumat

60D. (1) Seseorang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia merupakan pemunya benefisial suatu syarikat hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan—

(a) memberitahu syarikat itu bahawa dia merupakan pemunya benefisial syarikat itu; dan

(b) memberikan maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Seseorang yang merupakan pemunya benefisial suatu syarikat hendaklah memberitahu syarikat itu mengenai apa-apa perubahan butir-butirnya dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi pemunya benefisial suatu syarikat hendaklah memberitahu syarikat itu, secepat yang dapat dilaksanakan, mengenai perubahan itu dengan menyatakan—

(a) tarikh pemberhentian itu berlaku; dan

(b) butir-butir pemberhentian itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Pengecualian daripada Penggal ini

60E. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan apa-apa kelas syarikat daripada pemakaian Penggal ini sama ada tidak bersyarat atau tertakluk pada apa-apa terma yang boleh dikenakan oleh Menteri, jika syarikat itu tertakluk pada apa-apa kehendak di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang serupa dengan Penggal ini.”.

Pindaan seksyen 68**4. Subseksyen 68(3) Akta ibu dipinda—**

(a) dalam perenggan (i), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:

“(ia) maklumat pemunyaan benefisial syarikat itu;

(ib) alamat yang daftar pemunya benefisial syarikat itu disimpan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 60B(2), jika tidak disimpan di pejabat berdaftarnya; dan”.

Pindaan seksyen 152

5. Subseksyen 152(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali” dengan perkataan “mana-mana tawaran terkecuali, pelawaan terkecuali atau terbitan terkecuali”.

Pindaan seksyen 258

6. Seksyen 258 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Berhubung dengan syarikat persendirian, Pendaftar boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, melanjutkan tempoh yang dalam tempoh itu penyata kewangan dan laporan dikehendaki untuk diedarkan oleh syarikat persendirian jika syarikat persendirian itu membuat suatu permohonan bagi pelanjutan tempoh pendedaran sebelum habis tempoh yang disebut dalam perenggan (1)(a).”.

Pindaan seksyen 264

7. Seksyen 264 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun perenggan (4)(b), tiada pekongsi firma boleh dihilangkan kelayakan oleh sebab pasangannya menjadi seorang pegawai syarikat itu, jika sebab itu tidak menjejaskan kebebasan juruaudit dan firma juruaudit.

(4B) Pendaftar boleh mengeluarkan garis panduan bagi maksud menentukan kebebasan juruaudit dan firma juruaudit.”.

Pindaan seksyen 365

8. Seksyen 365 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif “syarikat” takrif yang berikut:

‘ “syarikat berkaitan” ertinya suatu syarikat yang merupakan syarikat subsidiari, syarikat pemegangan atau syarikat pemegangan muktamad, bagi suatu syarikat subjek;

“syarikat subjek” ertinya suatu syarikat yang telah membuat permohonan di bawah subseksyen 368(1);’.

Pindaan seksyen 366

9. Seksyen 366 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat dipanggil secara terus mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atas suatu permohonan kepada Mahkamah bagi kelulusan kompromi atau perkiraan oleh—

(a) syarikat;

(b) pemiutang atau kelas pemiutang syarikat;

- (c) anggota atau kelas anggota syarikat;
 - (d) penyelesaian, jika syarikat digulung; atau
 - (e) pengurus kehakiman, jika syarikat di bawah pengurusan kehakiman.”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Semua mesyuarat yang diadakan menurut suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dipengerusikan oleh seseorang yang merupakan—

- (a) seorang pengamal insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen 367(3); atau
- (b) seorang yang dipilih oleh majoriti dalam nilai pemiutang atau kelas pemiutang atau anggota atau kelas anggota, jika tiada pengamal insolvensi dilantik di bawah subseksyen 367(3).”.

Penggantian seksyen 367

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 367 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa Mahkamah untuk melantik pengamal insolvensi

367. (1) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan bagi kelulusan suatu kompromi atau perkiraan di bawah seksyen 366, melantik seorang pengamal insolvensi untuk menilai kebolehlaksanaan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu.

(2) Pengamal insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan suatu laporan mengenai kebolehlaksanaan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan dan hendaklah membentangkan laporan itu dalam mesyuarat pemiutang atau anggota yang diadakan di bawah seksyen 366.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah hendaklah melantik seorang pengamal insolvensi bagi syarikat itu apabila—

- (a) syarikat itu membuat suatu permohonan di bawah seksyen 368B, 368D atau 369C; atau
- (b) syarikat berkaitan bagi syarikat itu membuat suatu permohonan di bawah seksyen 368A.

(4) Pengamal insolvensi yang dilantik di bawah seksyen ini—

- (a) hendaklah mempunyai hak untuk mengakses semua rekod syarikat pada setiap masa yang munasabah; dan
- (b) berhak untuk menghendaki daripada mana-mana pegawai syarikat apa-apa maklumat dan penjelasan sebagaimana yang dikehendaknya bagi maksud kewajipannya.

(5) Jika seorang pengamal insolvensi dilantik di bawah subseksyen (3), pengamal insolvensi itu hendaklah menyediakan dan mengemukakan suatu laporan mengenai kemajuan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan kepada Mahkamah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah sebelum kompromi atau perkiraan itu diluluskan menurut subseksyen 366(4).

(6) Pengamal insolvensi yang dilantik di bawah seksyen ini berhak untuk menerima saraan—

- (a) sebagaimana yang dipersetujui antara syarikat dengan pengamal insolvensi itu; atau
- (b) jika tiada persetujuan antara syarikat dengan pengamal insolvensi, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (3).

(7) Dalam membuat perintah di bawah perenggan (6)(b), Mahkamah boleh menyatakan orang yang olehnya saraan pengamal insolvensi itu hendaklah dibayar.”.

Pindaan seksyen 368**11. Seksyen 368 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika tiada perintah telah dibuat atau tiada ketetapan telah diluluskan bagi penggulungan suatu syarikat dan suatu kompromi atau perkiraan telah dicadangkan antara syarikat dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutang itu, Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada mana-mana kuasanya, atas suatu permohonan secara terus oleh syarikat itu atau mana-mana anggota atau pemiutang syarikat itu, memberikan suatu perintah halangan bagi suatu tempoh tidak lebih daripada tiga bulan dari tarikh perintah halangan itu diberikan.”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Apabila suatu permohonan bagi perintah halangan difailkan di bawah subseksyen (1) dan sehingga permohonan itu diputuskan oleh Mahkamah atau sehingga luput dua bulan dari tarikh pemfailan permohonan itu, mengikut mana-mana yang lebih awal—

- (a) tiada perintah boleh dibuat, dan tiada ketetapan boleh diluluskan, bagi penggulungan syarikat itu;
- (b) tiada penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik ke atas mana-mana pengusahaan atau harta syarikat itu;
- (c) tiada prosiding boleh dimulakan atau diteruskan terhadap syarikat itu selain prosiding di bawah seksyen 366, 368C, 368D, 369A atau 370 kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

- (d) tiada pelaksanaan, distres atau proses undang-undang lain boleh dimulakan, diteruskan atau dikenakan terhadap apa-apa harta syarikat itu kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
 - (e) tiada langkah-langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa harta syarikat itu, atau untuk memiliki semula apa-apa barang yang dipegang oleh syarikat itu di bawah apa-apa perjanjian pemajakan catel, perjanjian sewa beli atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah; dan
 - (f) tiada hak kemasukan semula atau pelucuthakan di bawah apa-apa pajakan berkenaan dengan mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat itu boleh dikuatkuasakan kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.”;
- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Mahkamah boleh memberikan suatu perintah halangan di bawah subseksyen (1) kepada sesuatu syarikat selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan dan Mahkamah boleh atas permohonan syarikat itu, melanjutkan tempoh ini selama tidak lebih daripada sembilan bulan jika” dengan perkataan “Tertakluk pada apa-apa terma yang dikenakan oleh Mahkamah, Mahkamah boleh memberikan suatu pelanjutan tempoh tidak lebih daripada sembilan bulan kepada tempoh perintah halangan yang disebut dalam subseksyen (1) kepada suatu syarikat jika”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Suatu perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1) dan suatu pelanjutan tempoh perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh termasuk satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) tiada perintah boleh dibuat, dan tiada ketetapan boleh diluluskan, bagi penggulungan syarikat itu;
- (b) tiada penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik ke atas mana-mana pengusahaan atau harta syarikat itu;
- (c) tiada prosiding boleh dimulakan atau diteruskan terhadap syarikat itu selain prosiding di bawah seksyen ini, seksyen 366, 368C, 368D, 369A atau 370 kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (d) tiada pelaksanaan, distres atau proses undang-undang lain boleh dimulakan, diteruskan atau dikenakan terhadap apa-apa harta syarikat itu kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (e) tiada langkah-langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa harta syarikat itu, atau untuk memiliki semula apa-apa barang yang dipegang oleh syarikat itu di bawah apa-apa perjanjian pemajakan catel, perjanjian sewa beli atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

- (f) tiada hak kemasukan semula atau pelucuthakan di bawah apa-apa pajakan berkenaan dengan mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat itu boleh dikuatkuasakan kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

(3B) Tiada perintah halangan di bawah seksyen ini boleh diberikan kepada suatu syarikat jika suatu perintah telah diberikan kepada syarikat itu di bawah subseksyen (1), seksyen 368B, 368D atau 369C, atau syarikat berkaitannya di bawah seksyen 368A, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh dua belas bulan sebelumnya.”.

Seksyen baharu 368A, 368B, 368C dan 368D

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 368 seksyen yang berikut:

“Kuasa Mahkamah untuk menghalang prosiding, dsb., terhadap syarikat berkaitan

368A. (1) Jika Mahkamah telah memberikan suatu perintah halangan di bawah subseksyen 368(1) atau pelanjutan tempoh perintah itu di bawah subseksyen 368(2) berhubung dengan syarikat subjek, Mahkamah boleh, atas permohonan syarikat berkaitan, memberikan perintah halangan selama tempoh tidak lebih daripada tempoh perintah itu diberikan kepada syarikat subjek.

(2) Apabila syarikat berkaitan membuat suatu permohonan di bawah subseksyen (1), syarikat berkaitan itu hendaklah—

- (a) menyiarkan suatu notis tentang permohonan itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan
- (b) melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, menghantar suatu notis tentang permohonan itu kepada setiap pemiutang syarikat berkaitan itu yang mungkin terjejas dengan perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah boleh memberikan suatu perintah halangan kepada syarikat berkaitan jika Mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) tiada perintah telah dibuat, dan tiada ketetapan telah diluluskan, bagi penggulangan syarikat berkaitan itu;
- (b) perintah halangan yang diberikan kepada syarikat subjek di bawah subseksyen 368(1) atau (2) masih berkuat kuasa;
- (c) syarikat berkaitan memainkan peranan perlu dan penting dalam kompromi atau perkiraan syarikat subjek;
- (d) kompromi atau perkiraan yang disebut dalam perenggan (c) akan terkecewa jika satu atau lebih tindakan yang boleh dihalang oleh perintah halangan itu diambil terhadap syarikat berkaitan; dan
- (e) pemiutang syarikat berkaitan tidak akan dimudaratkan secara tidak adil jika suatu perintah halangan diberikan.

(4) Suatu perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) tiada perintah boleh dibuat, dan tiada ketetapan boleh diluluskan, bagi penggulangan syarikat berkaitan;
- (b) tiada penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik ke atas mana-mana pengusahaan atau harta syarikat berkaitan;
- (c) tiada prosiding boleh dimulakan atau diteruskan terhadap syarikat berkaitan selain prosiding di bawah seksyen ini, seksyen 366, 368C, 368D, 369A atau 370, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

- (d) tiada pelaksanaan, distres atau proses undang-undang lain boleh dimulakan, diteruskan atau dikenakan terhadap apa-apa harta syarikat berkaitan, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (e) tiada langkah-langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa harta syarikat berkaitan, atau untuk memiliki semula apa-apa barang yang dipegang oleh syarikat berkaitan itu di bawah apa-apa perjanjian pemajakan catel, perjanjian sewa beli atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (f) tiada hak kemasukan semula atau pelucuthakan di bawah apa-apa pajakan berkenaan dengan mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat berkaitan boleh dikuatkuasakan kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

(5) Mahkamah boleh, atas permohonan oleh syarikat berkaitan, memberikan suatu perintah untuk melanjutkan tempoh perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1) selama tempoh tidak lebih daripada tempoh perintah halangan yang diberikan kepada syarikat subjek di bawah seksyen 368.

(6) Syarikat berkaitan, mana-mana pemiutang syarikat berkaitan itu atau mana-mana penerima dan pengurus keseluruhan atau sebahagian besar daripada keseluruhan, perusahaan atau harta syarikat berkaitan itu, boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah untuk melepaskan atau mengubah mana-mana perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(7) Syarikat berkaitan hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas tarikh suatu perintah diberikan di bawah subseksyen (1), (5) atau (6), menyerahkan simpan suatu salinan pejabat perintah itu dengan Pendaftar.

Keutamaan paling tinggi bagi pembiayaan penyelamat bagi kompromi atau perkiraan

368B. (1) Jika suatu syarikat telah membuat suatu permohonan di bawah subseksyen 366(1) atau subseksyen 368(1), Mahkamah boleh, atas suatu permohonan oleh syarikat itu di bawah seksyen ini, memberikan satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah bahawa jika syarikat itu digulungkan, walau apa pun subseksyen 527(1), hutang yang berbangkit daripada apa-apa pembiayaan penyelamat yang diperolehi oleh syarikat itu hendaklah dibayar sebaik selepas kos dan perbelanjaan penggulungan syarikat yang disebut dalam perenggan 527(1)(a) dibayar;
- (b) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang selainnya tidak berupaya diperolehi oleh syarikat itu melainkan jika hutang itu dijamin dengan—
 - (i) suatu kepentingan cagaran atas harta syarikat yang tidak tertakluk pada apa-apa kepentingan cagaran; atau
 - (ii) suatu kepentingan cagaran lebih rendah atas harta syarikat yang tertakluk pada kepentingan cagaran yang sedia ada;
- (c) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang akan diperolehi oleh syarikat itu dengan suatu kepentingan cagaran yang mempunyai keutamaan yang sama dengan atau keutamaan yang lebih tinggi daripada kepentingan cagaran yang sedia ada atas harta syarikat itu, jika—
 - (i) syarikat itu tidak berupaya untuk memperoleh pembiayaan penyelamat daripada mana-mana orang melainkan jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat itu dijamin mengikut cara yang disebut dalam perenggan ini; dan
 - (ii) kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya.

(2) Suatu syarikat yang membuat permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, menghantar suatu notis tentang permohonan itu kepada setiap pemiutang syarikat itu.

(3) Pengakasan atau ubah suaian disebabkan rayuan kepada perintah di bawah perenggan (1)(b) atau (c) tidak menjejaskan kesahan apa-apa hutang yang ditanggung, atau apa-apa kepentingan cagaran yang telah diberikan menurut perintah itu, atau keutamaan kepentingan cagaran itu, jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat yang dihasratkan untuk dijamin oleh kepentingan cagaran itu telah diberikan dengan suci hati, sama ada dengan pengetahuan tentang rayuan itu atau tidak, melainkan jika perintah itu telah digantung sementara menunggu rayuan sebelum pembiayaan penyelamat diberikan.

(4) Bagi maksud subperenggan (1)(c)(ii), kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya jika—

- (a) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat membuat satu atau lebih pembayaran tunai kepada pemegang itu, yang jumlah keseluruhan amaunnya mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c);
- (b) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat memberikan kepada pemegang itu cagaran tambahan atau gantian dengan suatu nilai yang mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c); atau
- (c) Mahkamah memberikan apa-apa relif, selain pampasan, yang akan mengakibatkan penghasilan oleh pemegang itu kepentingan cagaran yang tidak diragui setara dengan kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu.

(5) Jika syarikat yang mempunyai dua atau lebih hutang dengan keutamaan paling tinggi digulungkan, hutang dengan keutamaan paling tinggi—

- (a) mempunyai keutamaan yang sama kedudukan antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi itu; dan
- (b) hendaklah dibayar sepenuhnya atau, jika syarikat itu tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk menyelesaikan hutang itu, hendaklah berada pada kedudukan *pari passu* dan hendaklah dibayar mengikut kadar yang sama antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi itu.

(6) Seksyen 426 dan 528 tidak menjejaskan apa-apa keutamaan yang diberikan, apa-apa kepentingan cagaran atau relif yang diberikan, atau apa-apa pembayaran yang dibuat, menurut dan mengikut perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(7) Suatu syarikat hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas tarikh suatu perintah diberikan di bawah subseksyen (1), menyerahkan simpan salinan pejabat perintah itu kepada Pendaftar.

(8) Dalam seksyen ini—

- (a) “pembiayaan penyelamat” ertinya apa-apa pembiayaan yang memenuhi satu atau lebih syarat yang berikut:
 - (i) pembiayaan itu diperlukan untuk penerusan syarikat yang memperoleh pembiayaan atau keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan syarikat itu sebagai suatu usaha berterusan;
 - (ii) pembiayaan itu diperlukan untuk kelulusan Mahkamah di bawah subseksyen 366(4) atau subseksyen 369c(5) bagi suatu kompromi atau perkiraan yang disebut dalam subseksyen 366(1) atau subseksyen 369c(1), mengikut mana-mana yang berkenaan, yang melibatkan syarikat yang memperoleh pembiayaan itu;

- (iii) pembiayaan itu diperlukan untuk mencapai penghasilan aset yang lebih menguntungkan bagi syarikat yang memperoleh pembiayaan itu, berbanding dengan penggulungan syarikat itu;
- (b) “kepentingan cagaran” ertinya apa-apa gadai janji, gadaian, sandaran, lien atau jenis kepentingan cagaran lain yang diiktiraf oleh undang-undang;
- (c) “hutang dengan keutamaan paling tinggi” ertinya suatu hutang, yang berbangkit daripada apa-apa pembiayaan penyelamat yang diperoleh atau yang akan diperoleh oleh suatu syarikat, yang mempunyai keutamaan, menurut susunan di bawah subseksyen (1), ke atas semua hutang keutamaan yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(b) hingga (f) dan semua hutang tidak bercagar lain, jika syarikat itu digulungkan.

Halangan pelupusan harta, dsb., dalam tempoh perintah halangan

368c. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pemiutang suatu syarikat subjek atau syarikat berkaitan pada bila-bila masa semasa perintah halangan diberikan di bawah seksyen 368 atau 368A berkuat kuasa, memberikan satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah yang menghalang pelupusan harta syarikat subjek atau syarikat berkaitan selain dalam perjalanan biasa perniagaannya;
- (b) suatu perintah yang menghalang pemindahan apa-apa syer syarikat subjek atau syarikat berkaitan;
- (c) suatu perintah yang menghalang pengubahan hak mana-mana anggota syarikat subjek atau syarikat berkaitan.

(2) Tempoh perintah yang diberikan di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi tarikh habis tempoh perintah halangan yang diberikan di bawah seksyen 368 atau 368A.

Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan persetujuan

368D. (1) Seksyen ini terpakai jika—

- (a) suatu kompromi atau perkiraan antara suatu syarikat dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutang telah diundi dalam suatu mesyuarat berkaitan;
- (b) pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan diletakkan dalam dua atau lebih kelas pemiutang bagi maksud mengundi kompromi atau perkiraan dalam suatu mesyuarat berkaitan;
- (c) syarat dalam subseksyen 366(3), setakat yang terpakai, dipenuhi dalam mesyuarat berkaitan berkenaan dengan sekurang-kurangnya satu kelas pemiutang; dan
- (d) syarat dalam subseksyen 366(3), setakat yang terpakai, tidak dipenuhi dalam mesyuarat berkaitan berkenaan dengan sekurang-kurangnya satu kelas pemiutang, setiap satunya dinamakan sebagai kelas yang menentang dalam seksyen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen 366(1) dan (3), Mahkamah boleh, tertakluk pada seksyen ini dan atas permohonan oleh syarikat, atau oleh pemiutang syarikat yang telah memperoleh keizinan Mahkamah untuk membuat permohonan di bawah subseksyen ini, meluluskan kompromi atau perkiraan, dan memerintahkan supaya syarikat dan semua kelas pemiutang yang berkenaan hendaklah terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(3) Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2) jika—

- (a) suatu majoriti sebanyak tujuh puluh lima peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pemiutang atau kelas pemiutang atau anggota atau kelas anggota yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu, dan yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi dalam mesyuarat berkaitan, telah bersetuju dengan kompromi atau perkiraan itu; dan

(b) Mahkamah berpuas hati bahawa kompromi atau perkiraan itu tidak akan mendiskriminasi secara tidak adil antara dua atau lebih kelas pemiutang dan adalah adil dan saksama kepada setiap kelas yang menentang.

(4) Bagi maksud perenggan (3)(b), suatu kompromi atau perkiraan adalah adil dan saksama terhadap kelas yang menentang jika syarat yang berikut dipenuhi:

(a) tiada pemiutang dalam kelas yang menentang itu menerima, di bawah terma kompromi atau perkiraan itu, suatu amaun yang lebih rendah daripada amaun yang akan diterima oleh pemiutang sebagaimana yang dianggarkan oleh Mahkamah dalam keadaan yang paling mungkin jika kompromi atau perkiraan itu tidak mengikat syarikat dan semua kelas pemiutang berkenaan yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu; dan

(b) salah satu yang berikut terpakai:

(i) jika pemiutang dalam kelas yang menentang adalah pemiutang bercagar, terma kompromi atau perkiraan itu —

(A) hendaklah memperuntukkan bagi setiap pemiutang dalam kelas yang menentang untuk menerima pembayaran tunai yang tertanggung yang menjumlahkan amaun tuntutan pemiutang yang dijamin dengan cagaran yang dipegang oleh pemiutang, dan memelihara cagaran itu dan takat tuntutan itu, sama ada atau tidak harta yang tertakluk pada cagaran itu akan dipegang simpan oleh syarikat atau dipindahkan kepada entiti yang lain di bawah terma kompromi atau perkiraan itu;

- (B) hendaklah memperuntukkan bahawa jika cagaran yang dipegang oleh mana-mana pemiutang dalam kelas yang menentang untuk menjamin tuntutan pemiutang yang akan dihasilkan oleh syarikat bebas daripada bebanan, pemiutang mempunyai gadaian ke atas hasil daripada penghasilan itu untuk menyelesaikan tuntutan pemiutang yang dijamin oleh cagaran itu; atau
 - (C) hendaklah memperuntukkan bahawa setiap pemiutang dalam kelas yang menentang berhak untuk menghasilkan nilai yang tidak diragui setara dengan cagaran yang dipegang oleh pemiutang bagi tujuan menyelesaikan tuntutan pemiutang yang dijamin oleh cagaran itu; atau
- (ii) jika pemiutang dalam kelas yang menentang adalah pemiutang tidak bercagar, terma kompromi atau perkiraan itu—
- (A) hendaklah memperuntukkan bagi setiap pemiutang dalam kelas itu untuk menerima harta yang mempunyai nilai yang sama dengan amaun tuntutan pemiutang; atau
 - (B) hendaklah tidak memperuntukkan bagi mana-mana pemiutang dengan tuntutan yang lebih rendah daripada tuntutan pemiutang dalam kelas yang menentang, atau mana-mana anggota, untuk menerima atau memegang simpan apa-apa harta bagi tuntutan lebih rendah atau kepentingan anggota.

(5) Mahkamah boleh menghendaki pengamal insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen 367(3) untuk membantu Mahkamah dalam menganggarkan amaun yang dijangka akan diterima oleh pemiutang dalam keadaan yang paling mungkin jika kompromi atau perkiraan itu tidak mengikat syarikat dan semua kelas pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(6) Dalam seksyen ini, “mesyuarat berkaitan” ertinya—

- (a) jika kompromi atau perkiraan yang diperkatakan itu tertakluk pada undian semula di bawah subseksyen 369A(1), mesyuarat yang diadakan bagi maksud itu; atau
- (b) mesyuarat yang diperintahkan oleh Mahkamah di bawah subseksyen 366(1) atau, jika mesyuarat itu ditangguhkan di bawah subseksyen 366(2), mesyuarat yang ditangguhkan itu.”.

Seksyen baharu 369A, 369B, 369C dan 369D

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 369 seksyen yang berikut:

“Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan undian semula

369A. (1) Semasa pendengaran permohonan untuk kelulusan Mahkamah bagi suatu kompromi atau perkiraan di bawah subseksyen 366(4), Mahkamah boleh memerintahkan syarikat untuk mengadakan mesyuarat pemiutang atau kelas pemiutang yang lain bagi maksud undian semula kompromi atau perkiraan itu tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan satu atau lebih perkara yang berikut:

- (a) cara untuk memanggil dan mengadakan mesyuarat;
- (b) pengelasan mana-mana pemiutang bagi maksud mengundi dalam mesyuarat selanjutnya;

- (c) amaun hutang mana-mana pemiutang yang akan diterima masuk bagi maksud mengundi dalam mesyuarat selanjutnya;
- (d) wajaran yang diletakkan pada undian mana-mana pemiutang dalam mesyuarat selanjutnya.

(3) Mesyuarat yang diadakan menurut suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dipengerusikan oleh seseorang yang merupakan—

- (a) pengamal insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen 367(3); atau
- (b) seseorang yang dipilih oleh majoriti dalam nilai pemiutang atau kelas pemiutang atau anggota atau kelas anggota, jika tiada pengamal insolvensi dilantik di bawah subseksyen 367(3).

Pemfailan, pemeriksaan dan penghukuman bukti hutang

369B. (1) Jika Mahkamah memerintahkan suatu mesyuarat di bawah subseksyen 366(1) dipanggil, syarikat hendaklah menyatakan dalam tiap-tiap notis yang disebut dalam subseksyen 369(1) yang memanggil mesyuarat itu—

- (a) cara pemiutang memfailkan bukti hutang dengan syarikat; dan
- (b) tempoh yang bukti itu perlu difailkan.

(2) Jika pemiutang tidak memfailkan bukti hutang pemiutang mengikut cara dan dalam masa yang dinyatakan dalam notis yang memanggil mesyuarat, pemiutang itu tidak dibenarkan untuk mengundi, sama ada secara sendiri atau melalui proksi, dalam mesyuarat itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh syarikat atau pemiutang, memberikan suatu perintah melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat yang dalam tempoh itu bukti hutang perlu difailkan.

(4) Setelah diberikan suatu perintah di bawah subseksyen (3), syarikat hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menghantar notis tentang perintah itu kepada setiap pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(5) Tiap-tiap bukti hutang yang difailkan di bawah seksyen ini hendaklah diadjudikasi oleh pengerusi mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen 366(1).

(6) Pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang berhak untuk memeriksa keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang yang difailkan oleh mana-mana pemiutang lain, kecuali bahagian bukti pemiutang lain yang mengandungi maklumat yang tertakluk pada apa-apa obligasi mengenai kerahsiaan, atau apa-apa sekatan lain atas penzahiran maklumat, yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau kaedah kelakuan profesional, atau oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(7) Pengerusi hendaklah memaklumkan setiap pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang mengenai keputusan adjudikasi bukti hutang yang difailkan oleh semua pemiutang dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(8) Pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang boleh membantah satu atau lebih perkara yang berikut:

- (a) penolakan oleh pengerusi bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang pemiutang;
- (b) penerimaan oleh pengerusi bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang yang difailkan oleh pemiutang yang lain;
- (c) permintaan oleh pemiutang yang lain untuk memeriksa keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang pemiutang.

(9) Apa-apa pertikaian antara pengerusi dengan syarikat, antara pengerusi dengan satu atau lebih pemiutang berhubung dengan penolakan bukti hutang, atau antara dua atau lebih pemiutang berhubung dengan pemeriksaan atau penerimaan bukti hutang, boleh diadjudikasi oleh seorang penilai bebas yang dilantik—

(a) dengan persetujuan semua pihak kepada pertikaian itu; atau

(b) jika tiada persetujuan sedemikian, oleh Mahkamah atas permohonan—

(i) mana-mana pihak kepada pertikaian itu; atau

(ii) syarikat, sama ada pihak kepada pertikaian itu atau tidak.

(10) Penilai bebas yang dilantik di bawah subseksyen (9) berhak untuk menerima saraan yang hendaklah ditentukan—

(a) dengan persetujuan semua pihak kepada pertikaian yang akan diadjudikasi oleh penilai bebas, jika penilai bebas dilantik dengan persetujuan pihak-pihak itu; atau

(b) oleh Mahkamah, jika penilai bebas dilantik oleh Mahkamah.

(11) Jika pemiutang, syarikat atau pengerusi tidak bersetuju dengan mana-mana keputusan penilai bebas mengenai adjudikasi di bawah subseksyen (9) berhubung dengan pemeriksaan, penerimaan atau penolakan bukti hutang, pemiutang, syarikat atau pengerusi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memfailkan notis pertentangan itu dengan menyatakan alasan tidak bersetuju mengenai keputusan itu kepada Mahkamah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar tidak kurang daripada tujuh hari sebelum pendengaran permohonan di bawah subseksyen 366(4).

(12) Orang yang memfailkan notis pertentangan itu hendaklah menghantar suatu salinan notis yang difailkan di bawah subseksyen (11) kepada—

- (a) syarikat itu, melainkan jika notis itu difailkan oleh syarikat itu; dan
- (b) mana-mana pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang dengan syarikat bagi maksud mengundi dalam mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen 366(1), atas permintaan pemiutang itu.

(13) Dalam menentukan sama ada suatu kelulusan hendaklah diberikan atau tidak di bawah subseksyen 366(4), Mahkamah hendaklah mengambil kira apa-apa notis pertentangan yang difailkan di bawah subseksyen (11).

Kuasa Mahkamah untuk meluluskan kompromi atau perkiraan tanpa mesyuarat pemiutang

369c. (1) Jika suatu kompromi atau perkiraan yang dicadangkan antara syarikat dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutang itu, Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh syarikat, memberikan suatu perintah yang meluluskan kompromi atau perkiraan itu tanpa apa-apa mesyuarat pemiutang atau kelas pemiutang.

(2) Jika kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu diluluskan melalui perintah Mahkamah di bawah subseksyen (1), kompromi atau perkiraan yang diluluskan itu mengikat syarikat dan pemiutang atau kelas pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(3) Mahkamah tidak boleh meluluskan suatu kompromi atau perkiraan di bawah subseksyen (1) melainkan jika—

- (a) syarikat itu telah memberi setiap pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu suatu pernyataan yang mematuhi subseksyen (6) dan mengandungi maklumat yang berikut:
 - (i) maklumat berkenaan harta, aset, aktiviti perniagaan, keadaan kewangan dan prospek syarikat;

- (ii) maklumat tentang cara terma kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu akan, jika terma itu berkuat kuasa, menjejaskan hak pemiutang;
 - (iii) apa-apa maklumat lain yang perlu untuk membolehkan pemiutang membuat suatu keputusan termaklum mengenai kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu;
- (b) syarikat itu telah menyiarkan suatu notis tentang permohonan di bawah subseksyen (1) mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar;
- (c) syarikat itu telah menghantar suatu notis dan salinan permohonan di bawah subseksyen (1) kepada setiap pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu; dan
- (d) Mahkamah berpuas hati bahawa sekiranya suatu mesyuarat pemiutang atau kelas pemiutang dipanggil, syarat dalam subseksyen 366(3) akan dipenuhi.
- (4) Walau apa pun perenggan (3)(c), syarikat boleh, jika diarahkan oleh Mahkamah, memberikan notis tentang permohonan di bawah subseksyen (1) kepada pemiutang atau kelas pemiutang mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.
- (5) Mahkamah boleh memberikan kelulusannya kepada suatu kompromi atau perkiraan yang dicadangkan tertakluk pada apa-apa perubahan atau syarat sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.
- (6) Pernyataan yang disebut dalam perenggan (3)(a) hendaklah—
- (a) menjelaskan kesan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu dan, khususnya, menyatakan—
 - (i) apa-apa kepentingan material pengarah syarikat, sama ada sebagai pengarah atau anggota atau pemiutang syarikat atau selainnya; dan

(ii) kesan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu terhadap kepentingan itu, setakat yang kesan itu berlainan daripada kesan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu terhadap kepentingan orang lain yang serupa; dan

(b) jika kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu menjejaskan hak pemegang debentur, mengandungi penjelasan yang serupa sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (a) berkenaan dengan pemegang amanah bagi pemegang debentur.

(7) Setiap pengarah syarikat dan setiap pemegang amanah bagi pemegang debentur hendaklah memberikan notis kepada syarikat mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengarah atau pemegang amanah bagi pemegang debentur itu sebagaimana yang perlu bagi maksud subseksyen (6) dalam masa tujuh hari selepas pengarah atau pemegang amanah bagi pemegang debentur itu menerima permintaan secara bertulis daripada syarikat bagi maklumat mengenai perkara tersebut.

(8) Mana-mana pengarah syarikat atau pemegang amanah bagi pemegang debentur yang melanggar subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(9) Seseorang, yang merupakan pengarah syarikat atau pemegang amanah bagi pemegang debentur, tidak melakukan kesalahan di bawah subseksyen (8) jika orang itu menunjukkan bahawa pelanggaran subseksyen (7) oleh orang itu disebabkan penolakan oleh pengarah syarikat yang lain atau pemegang amanah bagi pemegang debentur yang lain untuk memberi orang itu butir-butir mengenai kepentingan material orang itu yang terjejas disebabkan oleh kompromi atau perkiraan itu.

(10) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1)—

(a) tidak mempunyai kesan sehingga suatu salinan pejabat perintah itu diserahkan simpan dengan Pendaftar; dan

- (b) setelah diserahkan simpan, perintah itu hendaklah mempunyai kesan pada dan dari tarikh penyerahsimpanan itu atau apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah dan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(11) Jika terma apa-apa kompromi atau perkiraan yang diluluskan di bawah seksyen ini memperuntukkan apa-apa wang atau balasan lain untuk dipegang oleh atau bagi pihak mana-mana pihak kepada kompromi atau perkiraan itu sebagai amanah bagi mana-mana orang, orang yang memegang wang atau balasan lain itu hendaklah selepas habis tempoh dua tahun tetapi sebelum habis tempoh sepuluh tahun, bermula dari tarikh wang atau balasan lain itu diterima oleh orang itu, memindahkan wang atau balasan lain itu kepada Pegawai Penerima.

(12) Pegawai Penerima hendaklah—

- (a) berurusan dengan apa-apa wang yang diterima di bawah subseksyen (11) seolah-olah wang itu telah dibayar kepada Pegawai Penerima di bawah seksyen 508; dan
- (b) menjual atau melupuskan apa-apa balasan lain yang diterima di bawah subseksyen (11) mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Pegawai Penerima, dan menguruskan hasil jualan atau pelupusan itu seolah-olah hasil itu merupakan wang yang dibayar kepada Pegawai Penerima di bawah seksyen 508.

Kuasa Mahkamah untuk menyemak semula tindakan, peninggalan atau keputusan, dsb., selepas kelulusan, dsb., kompromi atau perkiraan

369D. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana syarikat atau pemiutang yang terikat dengan kompromi atau perkiraan yang telah diluluskan oleh Mahkamah di bawah subseksyen 366(4) atau subseksyen 369C(1), menjelaskan apa-apa terma kompromi atau perkiraan.

(2) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa syarikat telah melakukan suatu tindakan atau peninggalan, atau membuat keputusan, yang mengakibatkan pelanggaran apa-apa terma kompromi atau perkiraan itu, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pemiutang yang terikat dengan kompromi atau perkiraan itu—

- (a) mengesahkan, mengakas atau mengubah suai tindakan, peninggalan atau keputusan syarikat itu; atau
- (b) memberikan apa-apa arahan atau membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut oleh Mahkamah untuk membetulkan tindakan, peninggalan atau keputusan syarikat itu.

(3) Tiada penjelasan atau perintah yang dibuat, dan tiada arahan yang diberikan, oleh Mahkamah di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh mengubah atau menjejaskan hak mana-mana orang di bawah terma kompromi atau perkiraan itu.”.

Penggantian seksyen 395

14. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 395 dengan seksyen yang berikut:

“Ketidapkakaian Subpenggal ini

395. Subpenggal ini tidak terpakai bagi—

- (a) syarikat yang merupakan suatu institusi berlesen atau pengendali sistem pembayaran yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia;
- (b) syarikat yang diluluskan atau didaftarkan di bawah Bahagian II, dilesenkan atau didaftarkan di bawah Bahagian III, diluluskan di bawah Bahagian IIIA atau diiktiraf di bawah Bahagian VIII Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan
- (c) syarikat yang diluluskan di bawah Bahagian II Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.”.

Seksyen baharu 398A

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 398 seksyen yang berikut:

“Mendapatkan balik harta yang dicagar semasa perkiraan sukarela

398A. (1) Walau apa pun seksyen 398, pemiutang bercagar boleh mengambil milikan, menjalankan apa-apa hak lain berhubung dengan, atau selainnya mendapatkan balik, harta yang dicagar semasa tempoh moratorium dalam suatu perkiraan sukarela jika —

- (a) harta yang dicagar itu tidak dikehendaki oleh syarikat untuk perkiraan sukarela itu;
- (b) moratorium itu menimbulkan risiko tinggi terhadap kewujudan harta yang dicagar itu; atau
- (c) nilai harta yang dicagar itu menurun disebabkan moratorium.

(2) Pemiutang bercagar hendaklah memberitahu dan mendapatkan persetujuan daripada penama sebelum mengambil milikan harta yang dicagar di bawah subseksyen (1).

(3) Bagi maksud seksyen ini, “harta yang dicagar” ertinya apa-apa harta selain harta tak alih yang tertakluk pada gadaian atau apa-apa cagaran lain.”.

Pindaan seksyen 403

16. Seksyen 403 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) syarikat yang diluluskan atau didaftarkan di bawah Bahagian II, dilesenkan atau didaftarkan di bawah Bahagian III, diluluskan di bawah Bahagian IIIA atau diiktiraf di bawah Bahagian VIII Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) syarikat yang diluluskan di bawah Bahagian II Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.”.

Penggantian seksyen 406

17. Seksyen 406 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suatu perintah pengurusan kehakiman hendaklah, melainkan jika pengurusan kehakiman itu dilepaskan, terus berkuat kuasa selama tempoh enam bulan dari tarikh perintah itu dibuat tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan pengurus kehakiman, melanjutkan tempoh itu tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Jika suatu permohonan untuk melanjutkan tempoh selama enam bulan lagi sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) dibuat” dengan perkataan “Jika suatu permohonan dibuat untuk melanjutkan tempoh enam bulan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) kepada suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah”.

Pindaan seksyen 411

18. Seksyen 411 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Walau apa pun perenggan (4)(d), pemiutang bercagar boleh, selepas memberikan pemberitahuan kepada pengurus kehakiman, menguatkuasakan cagaran atas harta alih syarikat atau memiliki semula apa-apa barang dalam milikan syarikat di bawah mana-mana perjanjian sewa beli, perjanjian pemajakan catel atau perjanjian pemegangan hakmilik semasa perintah pengurusan kehakiman masih berkuat kuasa dengan mana-mana atau semua syarat yang berikut:

- (a) pengurus kehakiman mengesahkan bahawa barang atau harta alih itu tidak diperlukan oleh syarikat yang berada di bawah perintah pengurusan kehakiman;
- (b) perintah pengurusan kehakiman itu menimbulkan risiko tinggi terhadap kewujudan barang atau harta alih itu; atau
- (c) nilai barang atau harta alih itu menurun disebabkan oleh perintah pengurusan kehakiman itu.”.

Seksyen baharu 415A

19. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 415 seksyen yang berikut:

“Keutamaan paling tinggi bagi pembiayaan penyelamat bagi pengurusan kehakiman

415A. (1) Jika suatu syarikat berada di bawah perintah pengurusan kehakiman, Mahkamah boleh, atas suatu permohonan oleh pengurus kehakiman syarikat itu, memberikan satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah bahawa jika syarikat itu digulungkan, walau apa pun subseksyen 527(1), hutang yang berbangkit daripada apa-apa pembiayaan penyelamat yang diperoleh oleh syarikat itu hendaklah dibayar sebaik selepas kos dan perbelanjaan penggulungan syarikat sebagaimana yang disebut dalam perenggan 527(1)(a) dibayar;

(b) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang selainnya tidak berupaya diperoleh oleh syarikat itu melainkan jika hutang itu dijamin dengan—

(i) suatu kepentingan cagaran atas harta syarikat yang tidak tertakluk pada apa-apa kepentingan cagaran; atau

(ii) suatu kepentingan cagaran lebih rendah atas harta syarikat yang tertakluk pada kepentingan cagaran yang sedia ada; atau

(c) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang akan diperoleh oleh syarikat itu dengan suatu kepentingan cagaran yang mempunyai keutamaan yang sama dengan atau keutamaan yang lebih tinggi daripada kepentingan cagaran yang sedia ada atas harta syarikat itu, jika—

(i) syarikat itu tidak berupaya untuk memperoleh pembiayaan penyelamat daripada mana-mana orang melainkan jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat itu dijamin mengikut cara yang disebut dalam perenggan ini; dan

(ii) kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya.

(2) Pengurus kehakiman yang membuat permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah menghantar suatu notis tentang permohonan itu kepada setiap pemiutang syarikat itu.

(3) Mana-mana pemiutang syarikat boleh menentang permohonan di bawah subseksyen (1).

(4) Pengakasan atau ubah suaian disebabkan rayuan kepada perintah di bawah perenggan (1)(b) atau (c) tidak menjejaskan kesahan apa-apa hutang yang ditanggung, atau apa-apa kepentingan cagaran yang telah diberikan menurut perintah itu, atau keutamaan kepentingan cagaran itu,

jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat yang dihasratkan untuk dijamin oleh kepentingan cagaran itu telah diberikan dengan suci hati, sama ada dengan pengetahuan tentang rayuan itu atau tidak, melainkan jika perintah itu telah digantung sementara menunggu rayuan sebelum pembiayaan penyelamat diberikan.

(5) Bagi maksud subperenggan (1)(c)(ii), kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya jika —

- (a) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat untuk membuat satu atau lebih pembayaran tunai kepada pemegang itu, yang jumlah keseluruhan amaunnya mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada bagi pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c);
- (b) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat untuk memberikan kepada pemegang itu cagaran tambahan atau gantian dengan suatu nilai yang mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c); atau
- (c) Mahkamah memberikan apa-apa relif, selain pampasan, yang akan mengakibatkan penghasilan oleh pemegang itu kepentingan cagaran yang tidak diragui setara dengan kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu.

(6) Jika syarikat yang mempunyai dua atau lebih hutang dengan keutamaan paling tinggi digulungkan, hutang dengan keutamaan paling tinggi itu —

- (a) mempunyai keutamaan yang sama kedudukan antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi; dan

(b) hendaklah dibayar sepenuhnya atau, jika syarikat itu tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk menyelesaikan hutang itu, hendaklah berada pada kedudukan *pari passu* dan hendaklah dibayar mengikut kadar yang sama antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi.

(7) Seksyen 426 dan 528 tidak menjejaskan apa-apa keutamaan yang diberikan, apa-apa kepentingan cagaran atau relif yang diberikan, atau apa-apa pembayaran yang dibuat, menurut dan mengikut perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(8) Pengurus kehakiman hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas tarikh suatu perintah diberikan di bawah subseksyen (1), menyerahkan simpan salinan pejabat perintah itu kepada Pendaftar.

(9) Dalam seksyen ini—

(a) “pembiayaan penyelamat” ertinya apa-apa pembiayaan yang memenuhi satu atau lebih syarat yang berikut:

(i) pembiayaan itu diperlukan untuk penerusan syarikat yang memperoleh pembiayaan, atau keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan syarikat itu sebagai suatu usaha berterusan;

(ii) pembiayaan itu diperlukan untuk kelulusan Mahkamah di bawah subseksyen 366(4) atau subseksyen 369c(5) bagi suatu kompromi atau perkiraan yang disebut dalam subseksyen 366(1) atau subseksyen 369c(1), mengikut mana-mana yang berkenaan, yang melibatkan syarikat yang memperoleh pembiayaan itu;

(iii) pembiayaan itu diperlukan untuk mencapai penghasilan aset yang lebih menguntungkan bagi syarikat yang memperoleh pembiayaan itu, berbanding dengan penggulangan syarikat itu;

(b) “kepentingan cagaran” ertinya apa-apa gadai janji, gadaian, sandaran, lien atau jenis kepentingan cagaran lain yang diiktiraf oleh undang-undang;

- (c) “hutang dengan keutamaan paling tinggi” ertinya suatu hutang, yang berbangkit daripada apa-apa pembiayaan penyelamat yang diperoleh atau yang akan diperoleh oleh suatu syarikat, yang mempunyai keutamaan, menurut susunan di bawah subseksyen (1), ke atas semua hutang keutamaan yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(b) hingga (f) dan semua hutang tidak bercagar lain, jika syarikat itu digulungkan.”.

Penggal baharu 9

20. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 430 Penggal yang berikut:

“Penggal 9

Perlindungan Barangan dan Perkhidmatan Perlu

Perlindungan barangan dan perkhidmatan perlu

430A. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), suatu klausa yang berkaitan dengan insolvensi di bawah mana-mana kontrak bagi pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu hendaklah tidak boleh dilaksanakan terhadap mana-mana syarikat.

(2) Seseorang pembekal yang berhasrat untuk menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi dalam suatu kontrak hendaklah memaklumkan hasratnya untuk memelihara haknya di bawah klausa yang berkaitan dengan insolvensi itu kepada syarikat secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi mengikut kontrak itu.

(3) Seksyen ini tidak menghalang pembekal daripada menjalankan haknya yang lain, termasuk hak untuk menerima bayaran bagi barangan dan perkhidmatan perlu yang diberikan kepada suatu syarikat, di bawah kontrak pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “klausula yang berkaitan dengan insolvensi” ertinya suatu terma kontrak yang—

(i) membenarkan penamatan automatik suatu kontrak barangan dan perkhidmatan perlu atau pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu, ubah suaian hak antara pembekal dan syarikat di bawah kontrak semata-mata kerana syarikat itu menjadi tertakluk pada prosiding berhubung dengan kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman; atau

(ii) membenarkan pembekal untuk menamatkan kontrak barangan dan perkhidmatan perlu atau pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu, menguatkuasakan apa-apa hak atau mengubah mana-mana obligasi di bawah suatu kontrak semata-mata kerana syarikat itu menjadi tertakluk pada prosiding berhubung dengan kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman;

(b) “barangan dan perkhidmatan perlu” ertinya barangan dan perkhidmatan perlu yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan A.”.

Pindaan seksyen 433

21. Seksyen 433 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4c) subseksyen yang berikut:

“(4D) Mana-mana orang yang telah diluluskan sebagai penyelesaian di bawah subseksyen 433(4) hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari kelulusan itu, memberitahu kepada Pendaftar butir-butir yang berikut:

(a) maklumat peribadi penyelesaian yang diluluskan itu;

- (b) kelulusan sebagai penyelesaian yang diluluskan;
- (c) firma penyelesaian yang diluluskan, termasuk pekongsi firma dan cawangan, jika ada; dan
- (d) apa-apa butir lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4E) Jika terdapat apa-apa perubahan kepada butir-butir yang dinyatakan dalam subseksyen (4D), penyelesaian hendaklah mengemas kini maklumat itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan tersebut.”.

Pindaan seksyen 536

22. Perenggan 536(2)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pengemukakan petisyen penggulangan terhadap syarikat” dengan perkataan “pada tarikh perintah penggulangan itu”.

Pindaan seksyen 562

23. Subseksyen 562(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:
 - “(fa) maklumat pemunyaan benefisial sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 60B(1); dan”.

Pindaan seksyen 567

24. Subseksyen 567(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(fa) status sama ada syarikat asing itu syarikat persendirian atau syarikat awam; atau”.

Seksyen baharu 573A

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 573 seksyen yang berikut:

“Pemunyaan benefisial syarikat asing

573A. Penggal 8A Bahagian II hendaklah terpakai bagi syarikat asing tertakluk pada ubah suaian yang berikut:

(a) sebutan mengenai “syarikat” hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai “syarikat asing”; dan

(b) sebutan mengenai “pegawai” hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai “ejen syarikat asing”.

Pindaan seksyen 576

26. Subseksyen 576(2) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (h), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(ha) maklumat pemunyaan benefisial sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 60B(1);

(hb) alamat yang daftar pemunya benefisial syarikat itu dikehendaki untuk disimpan menurut subseksyen 60B(2), jika tidak disimpan di pejabat berdaftarnya; dan”.

Pindaan seksyen 582

27. Perenggan 582(3)(c) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “akuan ketidaksolvenan” dengan perkataan “pengisytiharan kesolvenan”.

Seksyen baharu 612A

28. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 612 seksyen yang berikut:

“Penyiaran atau iklan dalam laman sesawang

612A. Sekiranya apa-apa maklumat dikehendaki untuk disiarkan atau diiklankan dalam suatu surat khabar di bawah Akta ini, mana-mana orang boleh, sebagai ganti kepada penyiaran atau pengiklanan maklumat itu dalam surat khabar, menyiarkan atau mengiklankan maklumat itu dalam laman sesawang Suruhanjaya dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar selepas pembayaran fi yang ditetapkan.”.

Pindaan seksyen 613

29. Subseksyen 613(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) mana-mana orang atau golongan orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial syarikat atau maklumat pemunyaan benefisial, cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar itu;” dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) apa-apa perkara yang berhubungan dengan suatu kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penyelesaian dan penerimaan;”.

Jadual baharu

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kesembilan jadual yang berikut:

“JADUAL KESEMBILAN A

[Subseksyen 430A(4)]

JENIS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN PERLU

1. Bekalan air
2. Bekalan elektrik
3. Bekalan gas
4. Terminal pusat jualan
5. Perisian dan perkakasan komputer
6. Maklumat, nasihat dan bantuan teknikal yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat
7. Pemprosesan dan penyimpanan data
8. Penganjur laman sesawang”.

Kecualian

31. Apa-apa penyiasatan, perbicaraan, prosiding atau tindakan yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Syarikat 2016 (“Akta 777”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk menambah baik peruntukan yang sedia ada yang berhubungan dengan rangka kerja tadbir urus korporat, skim kompromi atau perkiraan dan mekanisme penyelamatan korporat. Selain itu, pindaan ini juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu yang berhubungan dengan rangka kerja pelaporan dan penzahiran maklumat pemunyaan benefisial.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda takrif “pemunya benefisial” bagi menekankan bahawa pemunya benefisial mungkin wujud dalam situasi pemilikan syer dan syarikat.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan Penggal baharu 8A ke dalam Akta 777 yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial sesuatu syarikat.

Seksyen 60A yang dicadangkan bertujuan untuk menetapkan kriteria asas untuk mengenal pasti pemunya benefisial suatu syarikat.

Seksyen 60B yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan obligasi untuk menyimpan dan menyenggara daftar pemunya benefisial syarikat dan menyerah simpan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan dengan Pendaftar. Hanya orang atau golongan orang yang ditetapkan oleh Menteri, termasuk agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa berwajib, boleh mengakses daftar pemunya benefisial syarikat dan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan.

Seksyen 60C yang dicadangkan bertujuan untuk memberi syarikat kuasa untuk menghendaki penzahiran pemunya benefisial syarikat itu. Cadangan pindaan ini membolehkan syarikat mendapatkan maklumat pemunya benefisial atau mengesahkan ketepatan maklumat daripada mana-mana orang yang syarikat mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai yang orang itu merupakan pemunya benefisial syarikat.

Seksyen 60D yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan kewajipan pemunya benefisial syarikat. Dengan pindaan ini, pemunya benefisial syarikat mempunyai kewajipan untuk memberitahu syarikat apabila dia menjadi pemunya benefisial syarikat dan hendaklah memberitahu syarikat jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat pemunyaan benefisial syarikat.

Seksyen 60E yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri boleh mengecualikan apa-apa kelas syarikat daripada pemakaian Penggal baharu 8A yang dicadangkan sama ada tidak bersyarat atau apa-apa terma yang boleh dikenakan oleh Menteri, jika syarikat itu tertakluk pada apa-apa kehendak di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang serupa dengan seksyen baharu yang dicadangkan ini. Pengecualian ini bertujuan untuk mengurangkan beban pentadbiran syarikat yang telah dikawal selia di bawah undang-undang bertulis lain dan mengelakkan pertindihan pengawalseliaan.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 68 Akta 777 untuk menghendaki syarikat menyerah simpan kepada Pendaftar butir-butir pemunyaan benefisial syarikat itu dalam penyata tahunan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 152(2) Akta 777 bagi tujuan keselarasan dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 258(1A) ke dalam Akta 777 untuk memberi Pendaftar kuasa untuk melanjutkan masa bagi pengedaran penyata kewangan dan laporan atas permohonan syarikat persendirian.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 264(4A) dan (4B) ke dalam Akta 777.

Subseksyen 264(4A) yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan bahawa juruaudit dan firma juruaudit tidak dihalang daripada bertindak bagi syarikat semata-mata kerana pekongsi firma itu ialah pasangan kepada pegawai syarikat itu.

Subseksyen 264(4B) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dalam menilai kebebasan juruaudit dan firma juruaudit.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 365 Akta 777 untuk memperuntukkan takrif “syarikat berkaitan” dan “syarikat subjek” berhubung dengan skim kompromi atau perkiraan.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 366 Akta 777.

Subseksyen 366(1) yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan bahawa suatu syarikat, pemiutang atau kelas pemiutang syarikat, anggota atau kelas anggota syarikat, penyelesaian atau pengurus kehakiman, boleh memohon kepada Mahkamah bagi kelulusan skim kompromi atau perkiraan.

Subseksyen 366(2A) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua mesyuarat yang diadakan menurut suatu perintah Mahkamah di bawah seksyen 366 Akta 777 hendaklah dipengerusikan sama ada oleh pengamal insolvensi atau seseorang yang dipilih oleh majoriti daripada nilai pemiutang atau anggota.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 367 Akta 777 untuk menjelaskan pelantikan pengamal insolvensi berhubung dengan skim kompromi atau perkiraan yang dicadangkan termasuk kewajipannya, saraan dan hak akses kepada semua rekod syarikat. *Fasal 10* juga bertujuan untuk menghendaki syarikat melantik pengamal insolvensi apabila syarikat membuat suatu permohonan di bawah seksyen 368B, 368D atau 369C yang dicadangkan atau syarikat berkaitan bagi syarikat itu membuat suatu permohonan di bawah seksyen 368A yang dicadangkan.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 368(1) dan (2) Akta 777 dan bagi memasukkan subseksyen baharu 368(1A), (3A) dan (3B).

Pindaan subseksyen 368(1) dan (2) yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan proses yang sedia ada berhubung dengan permohonan perintah halangan. Dengan pindaan ini, suatu syarikat boleh mendapatkan perintah halangan tidak lebih daripada tiga bulan dari tarikh perintah halangan itu diberikan dan pelanjutan tempoh tidak lebih daripada sembilan bulan jika syarikat itu memenuhi kehendak di bawah subseksyen 368(2) Akta 777. Dengan pindaan ini juga, sepanjang tempoh moratorium, tiada tindakan atau prosiding boleh dimulakan atau diteruskan melainkan dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Mahkamah.

Subseksyen 368(1A) yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan tempoh moratorium tidak lebih daripada dua bulan yang berkuat kuasa setelah permohonan untuk perintah halangan difailkan.

Subseksyen 368(3A) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan perlindungan yang boleh diberikan kepada sesuatu syarikat apabila perintah halangan telah diberikan.

Subseksyen 368(3B) yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan bahawa tiada perintah halangan boleh diberikan kepada syarikat jika perintah di bawah subseksyen 368(1), seksyen 368B, 368D atau 369C yang dicadangkan telah diberikan kepada syarikat atau perintah di bawah seksyen 368A yang dicadangkan telah diberikan kepada syarikat berkaitan dalam tempoh dua belas bulan sebelumnya. Pindaan ini juga bertujuan untuk mengelakkan penyalahgunaan proses yang mungkin menjejaskan hak anggota dan pemiutang.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 368A, 368B, 368C dan 368D untuk memudahkan skim kompromi atau perkiraan bagi kumpulan syarikat berkaitan.

Seksyen 368A yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan syarikat berkaitan memohon perintah halangan jika syarikat berkaitan itu memainkan peranan penting dalam skim kompromi atau perkiraan yang dicadangkan.

Seksyen 368B yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan pembiayaan penyelamat untuk syarikat dalam satu skim kompromi atau perkiraan dan pembiayaan penyelamat itu diberi kedudukan keutamaan lebih tinggi sekiranya berlaku penggulangan.

Seksyen 368C yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Mahkamah kuasa untuk menghalang pelupusan harta apabila syarikat berada di bawah perintah halangan.

Seksyen 368D yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Mahkamah kuasa untuk memerintahkan persetujuan kelas pemiutang dan berpuas hati bahawa pemiutang yang menentang tidak terjejas apabila meluluskan skim kompromi atau perkiraan.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 369A, 369B, 369C dan 369D ke dalam Akta 777.

Seksyen 369A yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Mahkamah kuasa untuk memerintahkan syarikat supaya mengadakan mesyuarat pemiutang atau kelas pemiutang bagi maksud undian semula kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Seksyen 369B yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan kehendak bagi pemiutang memfailkan bukti hutang dengan syarikat dan tempoh yang bukti hutang itu perlu difailkan untuk membenarkan mereka mengundi dalam mesyuarat untuk mempertimbangkan skim kompromi atau perkiraan yang dicadangkan.

Seksyen 369c yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Mahkamah kuasa untuk mengeluarkan perintah untuk meluluskan skim kompromi atau perkiraan yang dicadangkan walaupun tanpa apa-apa mesyuarat pemiutang atau kelas pemiutang dengan syarat Mahkamah berpuas hati bahawa pemiutang akan bersetuju dengan skim itu sekiranya mesyuarat pemiutang diadakan.

Seksyen 369d yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Mahkamah kuasa untuk menjelaskan terma skim kompromi atau perkiraan yang telah diluluskan atas permohonan oleh mana-mana syarikat atau pemiutang yang terikat dengan skim itu.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memperuntukkan ketidapkakaian Subpenggal 1 Akta 777 kepada syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan syarikat yang dilesenkan, diluluskan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] dan Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*]. Pindaan ini meluaskan pemakaian perkiraan sukarela korporat kepada semua syarikat yang telah mewujudkan gadaian ke atas mana-mana perusahaan atau harta syarikat itu. Pindaan berbangkit juga akan dibuat kepada Jadual Kelapan kepada Akta 777 berikutan pindaan ini.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 398A ke dalam Akta 777 untuk membenarkan pemiutang bercagar mendapatkan balik harta alih bercagar semasa tempoh moratorium perkiraan sukarela korporat dalam keadaan tertentu.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda perenggan 403(b) Akta 777 untuk menjelaskan bahawa pengurusan kehakiman boleh digunakan oleh semua syarikat termasuk syarikat tersenarai awam. Walau bagaimanapun, pengurusan kehakiman tidak terpakai bagi syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan syarikat yang dilesenkan, diluluskan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991. Suatu pindaan berbangkit juga akan dibuat kepada Jadual Kelapan kepada Akta 777 berikutan pindaan ini.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda subseksyen 406(1) dan (2) Akta 777 untuk menjelaskan bahawa perintah pengurusan kehakiman boleh dilanjutkan selama tempoh enam bulan atau suatu tempoh lebih lama supaya perintah pengurusan kehakiman yang diluluskan akan terus berkuat kuasa melebihi dua belas bulan.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 411(5) ke dalam Akta 777 untuk membenarkan pemiutang bercagar mendapatkan balik harta alih bercagar dalam keadaan tertentu semasa perintah pengurusan kehakiman masih berkuat kuasa.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 415A ke dalam Akta 777 untuk membenarkan syarikat di bawah pengurusan kehakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat dan pembiayaan menyelamat diberikan kedudukan keutamaan yang lebih tinggi sekiranya berlaku peggulungan.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan Penggal baharu 9 ke dalam Akta 777 untuk memperkatakan tentang klausa yang berkaitan dengan insolvensi di bawah mana-mana kontrak bagi pembekalan barangan dan perkhidmatan perlu untuk menyokong operasi syarikat antara pembekal dengan syarikat yang melaksanakan skim kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela atau di bawah pengurusan kehakiman.
22. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 433(4D) dan (4E) ke dalam Akta 777 untuk menghendaki penyelesaian yang diluluskan untuk memberitahu Pendaftar tentang maklumat tertentu yang dinyatakan dalam subseksyen baharu 433(4D) dan mengemas kini maklumat itu.
23. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda perenggan 536(2)(a) untuk menjelaskan bahawa tarikh permulaan penggulungan oleh Mahkamah bagi maksud kesalahan di bawah seksyen 536 ialah tarikh perintah penggulungan supaya selaras dengan subseksyen 467(2) Akta 777.
24. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 562(1)(fa) ke dalam Akta 777 untuk menghendaki syarikat asing memberikan maklumat pemunyaan benefisial kepada Pendaftar pada masa pendaftaran.
25. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 567(1)(fa) ke dalam Akta 777 untuk menghendaki syarikat asing menyerah simpan dengan Pendaftar butir-butir mengenai apa-apa perubahan atau pengubahan kepada status syarikat asing itu.
26. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 573A ke dalam Akta 777 untuk menjelaskan bahawa peruntukan yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial juga terpakai bagi semua syarikat asing.
27. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan perenggan 576(2)(ha) dan (hb) ke dalam Akta 777 untuk menghendaki syarikat asing menyerah simpan butir-butir pemunyaan benefisial syarikat asing itu dengan Pendaftar dalam penyata tahunannya.
28. *Fasal 28* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 612A ke dalam Akta 777 untuk memperuntukkan bahawa laman sesawang Suruhanjaya boleh digunakan untuk menyiarkan atau mengiklankan maklumat yang sebaliknya dikehendaki disiarkan atau diiklankan dalam surat khabar.
29. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan perenggan 613(1)(aa) dan (ba) ke dalam Akta 777 untuk memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi dan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan akses kepada daftar pemunya benefisial syarikat atau maklumat pemunyaan benefisial serta yang berhubungan dengan skim kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penyelesaian dan penerimaan.
30. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan Jadual baharu Kesembilan A ke dalam Akta 777 yang berhubungan dengan barangan dan perkhidmatan perlu yang dilindungi di bawah seksyen 430A Akta 777.

31. *Fasal 31* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.
32. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.


[PN(U2)3332]



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SESI TAKLIMAT RUU SYARIKAT (PINDAAN) 2023 OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

KANDUNGAN





- 01 Objektif Pindaan
- 02 Proses Konsultasi dan Status Terkini
- 03 Kluster Polisi
- 04 Cadangan Pindaan Menurut Kluster Polisi


2

OBJEKTIF PINDAAN



3

PROSES KONSULTASI DAN STATUS TERKINI



4

KLUSTER POLISI




Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 (RUU) mengandungi 31 fasal yang terdiri daripada empat (4) kluster polisi:

- **Polisi 1:** Memperluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat (perkiraan sukarela korporat (CVA) and pengurusan kehakiman (JM)];
- **Polisi 2:** Memperkukuh kerangka rehabilitasi korporat melalui:
 - (a) Penambahbaikan peruntukan yang berkaitan skim perkiraan atau kompromi (SPK); dan;
 - (b) Penambahbaikan peruntukan-peruntukan berhubung CVA/JM
- **Polisi 3:** Memperkukuh kerangka pelaporan pemunyaan benefisial; dan
- **Polisi 4:** Menambahbaik amalan dan tadbir urus korporat

CADANGAN PINDAAN MENURUT KLUSTER POLISI



KLUSTER POLISI



KLUSTER POLISI I

MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT (CVA DAN JM)

7

POLISI 1: MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT – PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT (CVA)



Polisi semasa:

- CVA terhad HANYA kepada syarikat persendirian yang tidak mempunyai gadaian ke atas mana-mana asetnya.
- Kekangan yang menyebabkan peruntukan sedia ada tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kebanyakan syarikat termasuk syarikat awam.
- Statistik serah simpan CVA untuk 2018-2023:

STATUS	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Serah simpan	3	1	1	2	1	0
Pelan diluluskan pemiutang	3	1	1	2	1	0

8

POLISI 1: MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT – PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT (CVA)



Cadangan polisi di bawah RUU:

Fasal 14: Pindaan kepada seksyen 395

- Skop pemakaian CVA di bawah Akta Syarikat 2016 akan diperluaskan kepada semua syarikat tanpa mengira sama ada syarikat mempunyai kepentingan cagaran ke atas asetnya (gadaian) atau tidak.

Justifikasi:

- Peruntukan sedia ada menjamin hak pemiutang bercagar CVA tidak boleh diteruskan tanpa persetujuan pemiutang bercagar.
- Membolehkan lebih banyak syarikat dapat memanfaatkan mekanisme ini melalui rundingan luar Mahkamah.
- Mengurangkan kos rehabilitasi syarikat yang menghadapi masalah kewangan melalui proses yang kurang formal.

9

POLISI 1: MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT – PENGURUSAN KEHAKIMAN (JM)



Polisi semasa:

- JM terpakai kepada semua syarikat kecuali syarikat yang dikawal selia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Act 671] atau undang-undang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Syarikat senaraian awam tidak layak untuk memohon JM.
- Bilangan permohonan JM setakat 30 September 2023:

STATUS	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Permohonan	16	12	36	28	42	36
Perintah JM yang diperoleh	5	5	15	17	11	16

10

POLISI 1: MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT – PENGURUSAN KEHAKIMAN (JM)



Cadangan Polisi di bawah RUU:

Fasal 16: Pindaan kepada seksyen 403

- RUU ini memperjelaskan peruntukan-peruntukan sedia ada agar permohonan JM dapat diperluaskan kepada semua syarikat termasuk syarikat senaraian awam.

Justifikasi:

- Membolehkan semua syarikat yang menghadapi masalah kewangan termasuk syarikat senaraian awam memanfaatkan JM sebagai mekanisme untuk merehabilitasikan perniagaan syarikat tersebut.

11

POLISI 1: MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT – PENGECUALIAN KEPADA PERATURAN AM



Pengecualian di bawah RUU ini:

Fasal-Fasal 14 & 16: Pindaan kepada seksyen-seksyen 395 & 403

- CVA dan JM tidak terpakai kepada:
 - a) syarikat yang dilesenkan oleh BNM;
 - b) syarikat yang diluluskan atau dilesenkan di bawah Bahagian-Bahagian II, III, IIIA dan VIII Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 2007 [Act 671]; atau
 - c) syarikat yang diluluskan di bawah Bahagian II Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.
- Syarikat-syarikat tersebut perlu mematuhi prosedur pelaporan tadbir urus serta polisi kewangan yang spesifik yang dikawal selia sepenuhnya oleh BNM atau SC sekiranya syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan.

12

KLUSTER POLISI 2

(A) MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT –
PENAMBAHBAIKAN PERUNTUKAN BERKAITAN SKIM PERKIRAAN ATAU KOMPRAMI (SPK)

13

POLISI 2: MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT - PENAMBAHBAIKAN SPK

Polisi semasa:

- SPK digunakan untuk menstruktur semula syarikat supaya lebih kukuh atau untuk tujuan memasuki skim kompromi dengan pemiutang.
- Memandangkan pengarah-pengarah dan pengurusan syarikat masih mempunyai kawalan penuh ke atas syarikat, pelan rehabilitasi melalui SPK mempunyai prospek yang lebih baik untuk berjaya memulihkan syarikat itu.
- Bilangan SPK yang telah diserahkan dengan SSM setakat 30 September 2023:

TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan SPK	35	16	17	37	108	83

14

POLISI 2: MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT - PENAMBAHBAIKAN SPK



Fasal-Fasal 10, 11 & 12: Pindaan kepada seksyen 367;
seksyen-seksyen baharu 368(1A), 368B, 368D

Cadangan Polisi di bawah RUU ini:

- Menambahbaik keseluruhan SPK dengan memperjelaskan peruntukan-peruntukan berkaitan moratorium, peranan pengamal insolvensi, pembiayaan penyelamat (*rescue financing*) dan *cram down*

Justifikasi:

- Memperkukuh kerangka SPK selari dengan bidang kuasa negara lain
- Membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk terus beroperasi dan menyumbang kepada ekonomi

15

POLISI 2: MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT PENAMBAHBAIKAN SPK



Cadangan Polisi di bawah RUU ini:

Fasal 10: Pindaan kepada seksyen 367

- Memperjelaskan pelantikan pengamal insolvensi berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi yang dicadangkan termasuk kewajipan, saraan dan hak aksesnya kepada semua rekod syarikat.

Fasal 11: Pindaan kepada seksyen 368

- Memperjelaskan polisi berhubung prosedur sedia ada bagi permohonan perintah halangan. Syarikat boleh mendapatkan perintah halangan tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perintah halangan itu diberikan dan suatu lanjutan tidak melebihi sembilan bulan boleh diberikan jika ia memenuhi keperluan.

16

POLISI 2: MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT PENAMBAHBAIKAN SPK



Cadangan Polisi di bawah RUU ini (sambungan):

- Memperkenalkan tempoh moratorium yang tidak melebihi dua bulan yang berkuat selepas pemfailan suatu perintah halangan di bawah SPK

Fasal 11: Seksyen baharu 368(1A)

- Mengelak penyalahgunaan proses – memperkenalkan tempoh *cooling off* 12 bulan sebelum permohonan baharu SPK dibenarkan jika perintah halangan telah diberikan

Fasal 11: Seksyen baharu 368(1A)

17

POLISI 2: MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT - PENAMBAHBAIKAN SPK



Cadangan Polisi di bawah RUU ini (sambungan):

- Memperkenalkan pembiayaan penyelamat (*rescue financing*) untuk syarikat dalam suatu SPK dan supaya pembiayaan penyelamat diberikan penarafan keutamaan paling tinggi sekira berlaku penggulungan

Fasal 14: Seksyen baharu 368B

- Memberi kuasa kepada Mahkamah untuk mengarahkan persetujuan kelas pemiutang (*cram down*) dan berpuas hati bahawa kelas pemiutang yang menentang tidak terjejas apabila meluluskan SPK

Fasal 12: Seksyen baharu 368D

18

KLUSTER POLISI 2

(B) MEMPERKUKUH KERANGKA REHABILITASI KORPORAT –
PENAMBAHBAIKAN PERUNTUKAN LAIN BERKAITAN CVA/JM/SPK

POLISI 2: MEMPERKUKUH KERANGKAN REHABILITASI KORPORAT – PENAMBAHBAIKAN PERUNTUKAN LAIN (CVA/JM/SPK)

Fasal 17: Pindaan kepada subseksyen 406(1) &(2)

- Perintah JM boleh dilanjutkan untuk tempoh 6 bulan atau suatu tempoh lebih lama supaya perintah JM yang diluluskan akan terus berkuat kuasa melebihi 12 bulan

Fasal 19: Seksyen baharu 415A

- Pembiayaan penyelamat untuk syarikat di bawah perintah JM

POLISI 2: MEMPERKUKUH KERANGKAN REHABILITASI KORPORAT

– PENAMBAHBAIKAN PERUNTUKAN LAIN (CVA/JM/SPK)

Fasal-Fasal 15 dan 18: Seksyen-seksyen baharu 398A dan 411(5)

- Membenarkan pemiutang bercagar untuk mendapatkan semula harta alih bercagar semasa tempoh moratorium CVA/JM

Fasal 20: Penggal baharu 9 & seksyen baharu 430A

- Memperkenalkan polisi baharu bagi menangani fasal berkaitan insolvensi di bawah mana-mana kontrak untuk pembekalan barangan dan perkhidmatan penting antara pembekal dan syarikat yang melaksanakan skim perkiraan atau kompromi, perkiraan sukarela atau di bawah pengurusan kehakiman

21



KLUSTER POLISI 3

MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL

22

POLISI 3: MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL



Polisi semasa:

- Seksyen 56 Akta 777 telah memperkenalkan kerangka pelaporan benefisial di mana syarikat dikehendaki mendapatkan maklumat pemunya benefisial, merekod serta melaporkan maklumat tersebut kepada Pendaftar.
- Namun, terdapat jurang perundangan yang perlu diatasi supaya selaras dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh agensi antarabangsa seperti FATF dan OECD.
- Cadangan penambahbaikan ini akan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan dengan SSM dan akan membantu agensi penguatkuasaan dan kawal selia termasuk Polis Diraja Malaysia, BNM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk memudahkan siasatan dan membanteras jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti perniagaan seperti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.

23

POLISI 3: MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL



Fasal 2: Pindaan kepada seksyen 2

Fasal 3: Penggal baharu 8A & seksyen baharu 60A

- Memperkenalkan definisi baharu “pemunya benefisial” dengan merujuk kepada orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau yang mempunyai kawalan mutlak ke atas suatu syarikat dan termasuk seseorang individu yang mempunyai kawalan berkesan mutlak ke atas sesuatu syarikat.
- Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenal pasti pemunya benefisial.

24

POLISI 3: MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL



Fasal 3: Penggal baharu 8A & seksyen-seksyen baharu 60B, 60D

- Keperluan untuk menyimpan dan menyelenggarakan daftar pemunya benefisial
 - Disimpan di pejabat berdaftar atau suatu tempat yang dimaklumkan kepada Pendaftar
 - Perubahan dikemas kini dan diserahkan simpan dengan Pendaftar dalam masa 14 hari dari tarikh maklumat pemunya benefisial direkodkan
 - Maklumat pemunya benefisial disimpan 7 tahun dari tarikh orang itu berhenti menjadi pemunya benefisial

25

POLISI 3: MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL



Fasal 3: Penggal baharu 8A & seksyen baharu 60D

- Kewajipan baharu yang dikenakan ke atas pemunya benefisial
 - Kewajipan untuk memaklumkan syarikat bahawa dia adalah pemunya benefisial
 - Kewajipan untuk memaklumkan syarikat jika terdapat perubahan kepada butirannya yang telah direkodkan dalam daftar anggota
 - Kewajipan untuk memaklumkan syarikat bila dia berhenti menjadi pemunya benefisial

26

KLUSTER POLISI 4

PENAMBAHBAIKAN AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

27

POLISI 4: PENAMBAHBAIKAN AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT



- Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan tahap tadbir urus yang tinggi, penambahbaikan kepada Akta Syarikat 2016 telah dibuat untuk menggalakkan pematuhan dan memudahkan urusan perniagaan.
- Polisi-polisi baharu diperkenalkan secara berterusan bagi mencerminkan keperluan semasa komuniti korporat untuk kecekapan lebih tinggi dan tadbir urus yang lebih baik.

28

➤ Antara cadangan pindaan penting adalah seperti berikut:

Fasal 28: Seksyen baharu 612A

- Bagi menangani isu-isu praktikal di mana tiada lagi edaran surat khabar fizikal secara meluas di seluruh Malaysia dan boleh mengurangkan kos tinggi untuk pengiklanan, laman sesawang rasmi SSM boleh digunakan untuk menerbitkan maklumat dan warta bagi menggantikan keperluan perundangan tersebut

Fasal 7: Subseksyen baharu 264(4A) & (4B)

- Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi memastikan bahawa prinsip kebebasan juruaudit dikekalkan berkaitan pelantikan juruaudit yang mempunyai pasangan yang bekerja dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang akan diaudit oleh firma audit itu

Fasal 21: Subseksyen baharu 433(4D) & (4E)

- Menghendaki penyelesaian melaporkan butir-butir mereka kepada Pendaftar selepas lesen diluluskan

TERIMA KASIH



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP
DAN PERTANIAN

TAKLIMAT OLEH
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
DAN PERBINCANGAN JAWATANKUASA
MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG
SYARIKAT (PINDAAN) 2023

BIL. 8
SELASA, 24 OKTOBER 2023
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
BIL. 8 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 24 OKTOBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Cha Kee Chin [Rasah]

- *Pengerusi*

YB. Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]

YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]

YB. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]

YB. Tuan Edwin Anak Banta [Selangau]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

YB. Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II, Parlimen Malaysia]

Encik Johari bin Junid [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]

Puan Hazliana binti Yahaya [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Cik Farah binti Mohammad Rafiee [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

YB. Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri]

YBrs. Dr. Rosbi binti Abd Rahman [Pengarah (Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa)]

Encik Redzuan bin Jaris [Setiausaha Sulit Kanan]

Puan Nazirah binti Abu Bakar [Pegawai Tugas-Tugas Khas]

Cik Siti Rashidah binti Khalid [Pegawai Tadbir]

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

YBrs. Dr. Salmah binti Sathiman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan)]

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

Encik Abszra Davadason Peter [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik)(Seksyen Pengurusan dan Parlimen)]

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz [Ketua Pegawai Eksekutif]

YBrs. Tuan Khuzairi bin Yahaya [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan)]

YBrs. Puan Norhaiza binti Jemon [Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan]

Bank Negara Malaysia (BNM)

YBrs. Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim [Timbalan Pengarah (Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan)]

YBrs. Tuan Alvin Ong Heng Kiat [Timbalan Pengarah (Jabatan Undang-Undang)]

Ernst & Young PLT

Cik Khoo Poh Poh [Pengarah Eksekutif Kanan (Strategi dan Transaksi)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 8 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 24 OKTOBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.06 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Salam sejahtera. Salam perpaduan. Salam Malaysia MADANI kepada semua yang hadir. Pagi ini bersama dengan saya dua lagi anggota jawatankuasa yang telah hadir di sini, YB Tenggara dan YB Selangau. Sebab kami baru balik dari Jepun ya, kalau kata 11 itu kena 11 ataupun sebelum 11. Tapi kalau dekat Malaysia ini kita biasalah, *kan?*

Jadi, untuk mesyuarat hari ini mesyuarat bilangan lapan, mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian. Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, yang mengetuai delegasi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Saya difahamkan Yang Berhormat Pemangku Menteri ada dalam *main chamber* Dewan Rakyat untuk menjawab soalan.

Juga saya mengalu-alukan kedatangan Yang Berbahagia Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang sudi hadir untuk memberikan pembentangan kepada jawatankuasa pilihan khas pada pagi ini bersama dengan delegasi beliau. Turut dialu-alukan adalah wakil daripada Bank Negara Malaysia yang diketuai oleh Yang Berusaha Dr. Sarah Azlina Che Rohim, okey, dan juga Cik Khoo Poh Poh daripada Tetuan Ernst & Young. Ini ada konsultan, ada orang profesional datang ini. Payah nak tanya soalan. Bila kita tak profesional orang profesional ada sini, payah nak tanya soalan ini. Dia senang saja – kami punya soalan senang saja dia tepis. *[Ketawa]*

Jadi, saya mengalu-alukan kehadiran semua. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak urus setia Parlimen yang berjaya mengaturkan mesyuarat hari ini yang lebih menjurus kepada taklimat khas daripada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebab kita rujuk kepada *background*-nya. Pada – kalau tak silap saya 11 Oktober,

Datuk Azimah sudah bagi taklimat kepada Ahli Parlimen Perpaduan pada hari tersebut dan ada cadangan daripada YB Bagan ketika itu untuk merujuk pindaan-pindaan yang dikemukakan terhadap RUU Akta Syarikat ini ke jawatankuasa pilihan khas.

Sebenarnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memulakan Bacaan Kedua pada petang 12 Oktober yang lepas. Sempat sebut beberapa ayat sebelum 5.30. Saya juga maklum selepas kita meluluskan bajet, ada dalam empat minggu lagi – empat ke lima minggu lagi, kita perlu meluluskan RUU ini di penghujung bulan November. Sebab itu ada keperluan untuk jawatankuasa ini mengadakan sesi ini pada pagi ini supaya akhirnya apabila ia dibentangkan semula di Dewan Rakyat, kita sama-sama menyokong, memastikan ia lulus dan tiada kelengahan. Sebab itu saya – sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan hadir pada pagi ini.

Jadi, – dan untuk makluman ini juga kali pertama JKPK ini diberikan taklimat berkenaan dengan pindaan terhadap RUU, sebelum RUU itu dibentang dan dibahaskan dalam Dewan Rakyat. Jadi, tanpa melengahkan masa – ini YB Pasir Gudang ya. Sebelah sana YB.

[Yang Berhormat Pasir Gudang mengambil tempat di dalam bilik mesyuarat]

YB, sebab Jepun ini kita kena *start sharp* tahu, kita tak boleh tunggu.

[Ketawa]

Sebab kita balik dari Jepun, kita kena ikut budaya dia.

■1110

Dari segi pematuhan terhadap masa. Jadi tanpa kelengahan, saya jemput Yang Berbahagia Datuk Nor Azimah untuk memulakan – ataupun YB Timbalan Menteri. Ya, okey. Dipersilakan.

Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam Malaysia MADANI. Yang Berhormat Pengerusi JKPK, Tuan Cha Kee Chin, Yang Berhormat Rasah; seluruh ahli jawatankuasa JKPK dan yang hadir pada hari ini mewakili SSM, Bank Negara dan Ernst & Young, ya.

Jadi, hari ini saya ucap terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian kerana memanggil kami untuk sesi taklimat Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023. Ini rentetan ya, daripada perbincangan kita di dalam, apa ni, pertemuan dengan

backbencher tempoh hari di mana kita dapat maklum balas bahawa *backbencher*, Ahli-ahli Parlimen ya, memerlukan lebih masa untuk meneliti Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini.

Kami amat mengalu-alukan usaha JKPK, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi ruang ini supaya soalan-soalan yang sukar buat Ahli-ahli Yang Berhormat ya, sebab ia teknikal, dapat kita bincang dan kita leraikan di dalam mesyuarat JKPK ini. Itulah hasrat kami kerana seboleh-bolehnya kita pohon kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat untuk memudahkan ya, memudahkan perbahasan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini.

Jadi, saya ingin, apa orang orang kata, mengulang kembali. Memang, Bacaan Kali Pertama ialah pada 10 Oktober baru ini dan permulaan Bacaan Kali Kedua ialah pada 12 Oktober. Maksudnya kita bermula dengan satu *para* dan itu apabila ditangguhkan, ianya bermaksud bahawa Dewan Rakyat akan memulakan perbahasan Bacaan Kali Kedua pada 28 November seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan mesyuarat pada hari itu.

Jadi, saya nak maklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penyediaan rang undang-undang ini telah melalui beberapa fasa sejak tahun 2020 lagi. Daripada zaman COVID-19 lagi, telah pun dimulakan usaha ini dan proses konsultasi pelbagai peringkat. Peringkat pertama telah bermula Jun 2020 dan edaran draf rang undang-undang kepada badan kawal selia dan badan profesional telah pun diedarkan. Seterusnya, konsultasi terus berjalan ya, sehinggalah pada hari ini.

Jadi, ia telah melalui agak lama, proses konsultasi yang agak lama. Jadi, sebab itulah kita merasakan waktu ini adalah waktu yang apa, tepat untuk kita meluluskan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini kerana di awal tahun depan, kita mahu penarafan antarabangsa ke atas Malaysia supaya kita tidak ketinggalan ya, dari segi penarafan antarabangsa ini.

Jadi, saya juga teruskan ya, memaklumkan mesyuarat bahawa Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini mempunyai dua objektif utama. Dua objektif utama. Yang pertama ialah memperkukuh kerangka rehabilitasi korporat dan yang kedua ialah mempertingkatkan ketelusan korporat ya.

Di mana dalam kerangka yang pertama ialah mewujudkan – mudah cara syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan menyokong pemulihan ekonomi dan daya saing. Manakala dalam objektif mempertingkatkan ketelusan korporat, kita berhasrat untuk meningkatkan ketelusan mengenai pelaporan pemunyaan *beneficial* ataupun *beneficial owner*, menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan jenayah berat lain serta menyokong penilaian FATF/OECD pada 2024/2025. Jadi, dalam slaid yang

seterusnya telah ditunjukkan berkenaan dengan *roadmap*, proses konsultasi yang bermula yang saya katakan tadi bermula Jun-Julai 2020 sehinggalah pada ketika ini.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa sekalian, kita ada empat polisi yang di mana ianya terangkum di bawah 31 fasal ya. Dia 31 fasal pindaan ini terangkum daripada empat kluster polisi.

Jadi, polisi yang pertama memperluas pemakaian mekanisme penyelamat dan – mekanisme penyelamat korporat; perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman. Itu polisi yang pertama.

Polisi yang kedua memperkukuh kerangka rehabilitasi korporat melalui penambahbaikan peruntukan yang berkaitan skim perkiraan ataupun kompromi dan penambahbaikan peruntukan perhubungan berhubung CVA ataupun *judicial management* (pengurusan kehakiman).

Polisi yang ketiga memperkukuh kerangka pelaporan pemunyaan *beneficial*.

Dan yang keempat, menambahbaikkan amalan dan tadbir urus korporat.

Jadi Yang Berhormat, saya nak – sikit sahaja nak kongsi berkenaan bagaimana kita boleh dengan pemakaian mekanisme penyelamat korporat ini kita boleh menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah ya. Apa orang kata, *corporate rescue mechanism*.

Saya bagi satu contoh, di mana kalau sebelum ini syarikat-syarikat yang ada gadaian tidak boleh ya, apa orang kata, tidak boleh memohon ya, untuk apa orang kata, untuk CVA ini. *Just in terms of numbers*, dari bulan Januari hingga September, kita ada 40,300 syarikat ya, yang ada cagaran, ya Datuk ya? Kita ada *that number of* syarikat, 40,300 daripada Januari hingga September sahaja, ini syarikat sendirian berhad. Di dalam undang-undang sedia ada, mereka tidak boleh memohon untuk ini, CVA ini ya, kalau mereka ada gadaian.

Jadi, dengan pindaan ini, ia membolehkan syarikat yang punyai gadaian ini untuk melalui proses – memohon untuk proses ini, CVA ini ya. Jadi, bolehlah kita membantu untuk rehabilitasi syarikat ini. Ini contohlah antara dari segi *numbers*, bagaimana dia boleh menolong syarikat. Jadi, itulah hasrat pindaan rang undang-undang ini ya, dan juga dengan kalau kita tengok salah satu kluster ekonominya, dari segi, apa itu, *beneficiary* pemunyaan apa...

Seorang ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Benefisial.

Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Benefisial, pemunyaan benefisial itu ia juga boleh membantu syarikat-syarikat apabila penama ataupun *nominee* itu perlu telus ya, dan melaporkan bahawa mereka ini merupakan *nominee*. Jadi, ia akan memperkukuh kerangka pengurusan syarikat-syarikat.

Jadi itulah, antara-antara hasrat ya, di bawah kluster polisi yang saya – ada empat kluster polisi itu dan yang diletakkan di dalam 31 ya, 31 fasal. Jadi, itulah dia punya *background* dan dia juga memudahkan contohnya, kalau syarikat-syarikat yang melalui insolvensi ya, dia boleh dengan skim perkiraan dan kompromi itu ia boleh membantu bahawa syarikat-syarikat ini boleh, apa orang kata, melalui satu proses untuk dia *recover*.

Sementara itu, apa itu, mereka dibantu. Tidaklah diputuskan bekalan elektrik, contohnya. Diputuskan bekalan air, contohnya. Ada moratorium ya, yang boleh mereka memohon. Supaya dalam proses itu yang dipersetujui tempoh masa itu mereka boleh melalui proses *recovery*. Itu antara-antara *the gist of the* inilah ia punya Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini. Jadi, seperti saya katakan tadi, hasratnya ialah untuk membantu *rescue, rehab* dalam keadaan kita *post-COVID-19* ya, dan dalam keadaan syarikat-syarikat ada risiko gulung tikar. Jadi, inilah hasrat dan dia punya *spirit behind it*. Jadi, saya faham juga bahawa ada *concern* di kalangan ahli-ahli penggubal undang-undang kita.

■1120

We are lawmakers. Ahli-ahli Parlimen merupakan penggubal undang-undang. Jadi, kita faham bahawa tentu sekali ada *concern*. *The technical of it* dari segi mungkin – dari segi pemakaiannya nanti, mungkin ada *glitches* sana sini dan kita amat-amat hargai *that it is being highlighted by the Members*, Ahli-ahli Yang Berhormat.

So, saya teruskan dengan meminta CEO kita, CEO SSM untuk teruskan. Mungkin kalau hendak teruskan ataupun hendak terus *open* kepada *discussion* pun tak apa sebab sudah *present* hari itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas taklimat ringkas ataupun penerangan ringkas. Saya rasa lebih elok kita biarkan CEO SSM untuk memberikan pembentangan sepenuhnya sebelum kita mengajukan apa-apa soalan. Ya, minta Datuk teruskan.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz [Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI. Jadi, saya mewakili SSM mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan dan Kos Sara Hidup.

Kemudian, YB Dato' Rosol bin Wahid, YB Hulu Terengganu; YB Tuan Manndzri bin Nasib, YB Tenggara; YB Tuan Hassan bin Abdul Karim, YB Pasir

Gudang; dan juga YB Tuan Edwin Anak Banta, YB Selangau dan juga YB Senator yang kami sayangi daripada KPND. *Alhamdulillah*.

Jadi, tadi YB Senator telah pun memberi *overall overview*. Jadi mungkin sedikit – mungkin kita boleh patah balik ataupun kita bermula di sini, YB. Kita mula di sini ya. Sebab slaid ini menyatakan keseluruhan (*overall*) 31 fasal yang dicadangkan oleh SSM melalui kementerian KPND di bawah Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023.

Tadi telah pun disebutkan oleh YB Senator ada empat kluster polisi tetapi mungkin sebelum itu – slaid tadi. Ini ditunjukkan tiga kluster. Sebenarnya dua kluster adalah di bawah kerangka rehabilitasi korporat. Polisi satu dan dua adalah di bawah kerangka rehabilitasi korporat. Sebab pertamanya adalah perluasan pemakaian CVA dan JM itu. *Corporate Voluntary Arrangement (CVA)* dan *Judicial Management (JM)*.

CVA tadi yang telah pun dijelaskan adalah secara sukarela (*voluntary*) apabila syarikat mencadangkan skim rehabilitasi, *for rescue mechanism* untuk dipohon kepada *creditor* ataupun bank-bank pemiutang itu tanpa kelulusan melalui proses mahkamah. Jadi, itulah kita panggil *voluntary* ataupun secara sukarela. CVA. Satu lagi ialah memperluaskan pemakaian – polisi pertama. Meluaskan pemakaian CVA dan juga JM. JM pula adalah proses *court-assisted*, dengan izin. *Court-assisted rescue* maksudnya penyelamat korporat secara melalui proses mahkamah. Jadi kita ada CVA dan JM.

Kemudian, polisi kedua adalah selain daripada memperluaskan pemakaian CVA dan JM itu, seperti yang dikatakan oleh Senator tadi, syarikat-syarikat sendiri berhad yang mempunyai gadaian pada ketika ini di bawah perundangan sedia ada tidak boleh memohon untuk CVA. Maksudnya – dan kita memperluaskan pemakaiannya kepada semua syarikat termasuk juga syarikat yang mempunyai gadaian. Jadi, lebih banyak syarikat boleh memanfaatkan proses rehabilitasi secara CVA dan juga JM. JM adalah satu lagi – polisi peluasan pemakaian JM itu akan kita cadangkan dan juga SPK. SPK ialah Skim Perkiraan Kompromi ataupun *Scheme of Arrangement (SOA)*. Ini juga ada banyak fasal-fasal yang kami cadangkan untuk penambahbaikan agar lebih efektif lagi rehabilitasi secara *Scheme of Arrangement* ataupun SPK itu.

Polisi ketiga adalah berkenaan dengan Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial. Ini yang disebutkan tadi. Kita ada tahun hadapan penarafan, penilaian yang akan kita laksanakan. Jadi, itu pengukuhan Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial bagi polisi tiga.

Kemudian, polisi empat ialah menambah baik amalan tadbir urus korporat. Ini adalah peruntukan yang dicadangkan oleh SSM untuk menambahkan lagi penjelasan (*clarification to the law*) dalam perundangan tadbir urus peruntukan-

peruntukan sedia ada berkaitan tadbir urus yang kami ingin perelaskan lagi peruntukannya untuk memudahkan pematuhan.

Jadi, itulah empat polisi yang merangkumkan 31 fasal yang dicadangkan dalam pindaan kali ini. Okey, *next slide. Next slide. Next.* Okey.

Polisi satu, fokus balik kepada CVA tadi yang menyatakan tentang peluasan pemakaian. Bagi CVA, seperti disebutkan tadi oleh Senator, syarikat perundangan semasa – ini adalah polisi semasa di bawah undang-undang Akta Syarikat 2016 yang kita sebut Akta 777 itu yang kita ingin pinda. CVA peruntukan semasa hanya terhad bagi syarikat sendirian berhad, syarikat persendirian (*private company*) yang tidak mempunyai gadaian ke atas asetnya dan ini mewujudkan kekangan. Maksudnya, ada *limitation* menyebabkan peruntukan sedia ada tidak dapat dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat awam dan terutamanya syarikat-syarikat persendirian yang pada ketika ini undang-undang tidak membenarkan syarikat persendirian dengan cagaran memohon bagi rehabilitasi secara CVA.

Ini ditunjukkan statistik. Statistik ini adalah dari tempoh undang-undang ini diperkenalkan pada tahun 2018 hingga 2023. Hanya lapan syarikat sahaja yang berjaya memohon CVA dan diluluskan oleh pemiutang. Tadi YB Senator menyebutkan angka lebih 40,000, itu bagi syarikat-syarikat bagi tahun ini sahaja yang telah *create* cagaran dan inilah bezanya.

Maksudnya, lebih banyak lagi syarikat boleh memohon. Dapat memanfaatkan perkiraan secara sukarela ataupun *corporate voluntary arrangement*. *Next slide* adalah berkenaan dengan fasal yang kami pohon untuk pinda iaitu fasal 14. Pindaan kepada seksyen 395, berkenaan dengan skop pemakaian CVA. Sebab kita jelaskan tadi inilah untuk peluasan pemakaian CVA yang tanpa mengira sama ada syarikat mempunyai kepentingan cagaran ke atas asetnya ataupun tidak.

Ini justifikasinya seperti yang telah disenaraikan bagi – walaupun kita mencadangkan untuk peluasan pemakaian ini bagi syarikat yang mempunyai gadaian, polisi yang dicadangkan ini, untuk memperluaskan ini, tidak akan menjejaskan kepentingan *creditor* ataupun pemiutang. Sebab hak mereka telah pun terjaga di bawah perundangan sedia ada di mana pemiutang bercagar tidak boleh ataupun CVA tidak boleh diteruskan tanpa persetujuan pemiutang bercagar.

Jadi maksudnya, kalau mereka luluskan maka CVA boleh diteruskan. Maksudnya, perundangan yang kita cadangkan ini untuk memperluaskan bagi syarikat-syarikat yang bercagar itu tidak akan menjejaskan hak-hak pemiutang. Sebab keperluan kelulusan mereka perlu dipatuhi terlebih dahulu. Jadi, akan lebih banyak syarikat akan dapat memanfaatkan perundangan baharu yang kita cadangkan. Okey, *next*.

Bagi JM pula, bagi rehabilitasi secara pengurusan mahkamah ataupun *judicial management*, dalam perundangan semasa, *judicial management* ini memang terpakai kepada semua syarikat tetapi ada pengecualiannya dalam perundangan sedia ada iaitu syarikat-syarikat yang dikawal selia oleh undang-undang pasaran modal di bawah SC dan juga syarikat-syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara tidak dapat memanfaatkan *judicial management* ini.

Juga yang penting sekali perundangan sedia ada juga menyatakan secara amnya bahawa interpretasi undang-undang sedia ada itu menyatakan bahawa syarikat yang disenaraikan di Bursa tidak layak untuk memohon *judicial management*.

■1130

Jadi, semua syarikat di dalam *stock exchange* itu tidak dapat memohon ya. Itulah kekangan yang kita lihat dalam perundangan sedia ada. Data-data daripada 2018 hingga 2023 juga menunjukkan angka yang agak kurang iaitu 130 permohonan sahaja yang dimohon dan juga perintah mahkamah pengurusan penghakiman yang berjaya adalah 69 ya.

Jadi, kita harap dengan peluasan pemakaian – *next slide*. Peluasan pemakaian dengan kita pinda fasal 16 ini, kita harap lebih banyak syarikat terutamanya syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa boleh memohon bagi rehabilitasi korporat secara *judicial management* ataupun pengurusan kehakiman. Jadi, itulah hasrat kita apabila kita mohon untuk pinda seksyen 403 di bawah fasal 17, Pengerusi.

Next. Masih lagi polisi satu. Bagi memperluas pemakaian mekanisme korporat pengecualian kepada peraturan am dan ini adalah fasal-fasal 14 dan 16. Keseluruhannya pengecualian – yang ini diperjelaskan undang-undang yang dipinda ini, memperjelaskan pengecualian hanya dikekalkan hanya untuk dua keadaan ini sahaja. Maksudnya semua syarikat boleh memohon ya, tetapi kecuali dua pengecualian ini sahaja. Syarikat yang dilesenkan oleh Bank Negara iaitu institusi perbankan dan kewangan dan juga syarikat yang diluluskan atau dilesenkan di bawah Security – SC di bawah Akta Pasaran Modal dan juga syarikat yang diluluskan oleh SC di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Depositori Pusat yang termasuk juga Bursa yang dilesenkan oleh SC.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang]: Tuan Pengerusi, saya mencelah ya. Apa rasionalnya CVA dan JM ini tidak terpakai kepada tiga kategori ini?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Rasionalnya seperti yang kita sebutkan di bawah itu; kerana syarikat-syarikat tersebut adalah syarikat yang telah wujud ya

perundangan sedia ada yang dikawal selia sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia. *[Tidak jelas]* ...sekiranya syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan, kita ada Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti yang mentadbirkan. Sebab mereka ini dilesenkan oleh SC dan Bank Negara. Mereka mempunyai peruntukan sedia ada dan perundangan kita yang kita cadangkan ini tidak terpakailah, dikecualikan bagi mereka. Jadi, itu jawapan Tuan Pengerusi. Dengan izin, saya teruskan. Seterusnya.

Beberapa Ahli: *[Berbincang sesama sendiri]*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Polisi kedua adalah berkenaan dengan memperkukuh – polisi kedua ya, *next slide* – kerangka rehabilitasi korporat. Tadi memperluaskan pemakaian dan kini kita polisi kedua memperkukuh kerangka rehabilitasi korporat bagi penambah – pertamanya, *next slide*. Adalah yang pertama yang kita sentuh bagi polisi dua ini adalah bagi SPK yang kita sebutkan tadi Skim Perkiraan Kompromi yang sekarang ini dikenali juga sebagai *Scheme of Arrangement* ataupun SPK yang pada ketika ini dalam perundangan sedia ada digunakan untuk menstruktur semula hutang syarikat-syarikat yang bermasalah.

Selalunya apabila mereka berhutang, ada *debenture document*. Kemudian ada *trigger* kegagalan mereka membayar hutang itu sama ada *receivership* dilantik ataupun mereka memohon agar moratorium dan supaya mereka dapat menyusun semula hutang-hutang mereka ya. Jadi, itulah proses sedia ada. Dalam proses sedia ada ini, kita mempunyai kalau mengikut data, 296 syarikat telah pun melalui proses SPK daripada tahun 2018 hingga 2023 dan kita harap angka ini boleh ditambahkan lagi apabila kita menambah baik proses SPK ini dan ia akan menjadi lebih efektif, menjadi satu proses rehabilitasi. Bukan hanya proses menyusun semula hutang, tetapi boleh juga mereka mendapat manfaat untuk rehabilitasikan syarikat tersebut. *Next.*

Jadi, SPK – bagi SPK ini adalah cadangan fasal-fasal 10, fasal 11, fasal 12 yang kami cadang untuk pinda bagi seksyen 367, 368 dengan memperkenalkan 368(1A), 368B dan 368D. Cadangan ini adalah untuk menambah baik keseluruhan SPK bagi memperkenalkan peruntukan berkaitan dengan moratorium yang telah kami tambah baik. Kemudian, menjelaskan lagi peranan pengamal insolvensi ataupun yang kita panggil *insolvency practitioner* di bawah akta.

Kemudian, memperkenalkan pembiayaan penyelamat. Ini ialah suntikan dana dalam tempoh syarikat itu melalui proses rehabilitasi dan juga *cramdown*. Maksudnya, inilah isu yang ditanyakan oleh YB – pada...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bagan.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Bagan, pada ketika – ini pun saya akan jelaskan lagi kalau ada soalan-soalan lanjut berkenaan ini. Ini maksudnya bagi kreditor yang menentang tetapi mahkamah boleh membuat keputusan supaya

dissenting creditor yang menentang itu menerima juga skim SPK tersebut. Nanti kita akan ada slaid seterusnya untuk memperjelaskan bagaimana *cramdown* ini berlaku. Mungkin kita pun ada daripada *practitioner* yang kita jemput, yang memang kita mengadakan konsultasi dengan ahli-ahli profesional di luar sana. Bagaimanakah perundangan ini apabila kita perkenalkan nanti di bawah Akta Syarikat, bagaimanakah ia boleh membantu akan menjadikan proses SPK ini lebih efektif. Okey, dan slaid seterusnya.

Okey, kalau saya boleh jelaskan berkenaan fasal 10. Pindaan yang kita cadangkan bagi seksyen 367 untuk memperjelaskan pelantikan pengamal insolvensi yang dicadangkan termasuk kewajipan, saraan dan hak akses kepada semua rekod syarikat. Maksudnya, bagi SPK akan ada lantikan kita panggil pengamal insolvensi seperti juga di CVA dan JM, akan ada pengamal insolvensi yang untuk melihat keseluruhan skim rehabilitasi yang dicadangkan itu untuk dilaksanakan.

Kemudian, memperjelaskan polisi berhubung prosedur sedia ada bagi fasal 11 bagi permohonan perintah halangan. Perintah halangan adalah sangat berharga ya bagi syarikat-syarikat SPK ini. Mereka inginkan moratorium itu *being triggered* ataupun dimulakan apabila mereka memohon disebabkan – supaya pemiutang-pemiutang tidak akan mengambil tindakan ke atas syarikat yang telah gagal membayar hutang ini. Sebab *meaning keeping them at bay* ya, supaya mereka diberikan ruang ataupun masa untuk mencadangkan satu plan rehabilitasi bagi syarikat itu dapat bernafas ataupun mereka dapat membuat satu skim yang boleh diterima oleh pemiutang.

Jadi, itulah perintah halangan yang telah ditambah baik untuk permohonan-permohonan bagi moratorium. *Gist* ataupun perundangan baru ini menyatakan perintah halangan tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perintah halangan itu diberikan dan satu lanjutan tidak melebihi sembilan bulan boleh diberikan. Maksudnya tempohnya secara keseluruhan ialah 12 bulan ataupun setahun. Maksudnya moratorium boleh berlaku dalam tempoh setahun. Ini diperjelaskan dalam pindaan yang kita cadangkan.

Okay, next adalah berkenaan dengan – *next slide*. Ini adalah memperjelaskan pelantikan tempoh moratorium. *Next slide*. Ya, tempoh moratorium – *sorry*, pembiayaan penyelamat. Ini adalah pengenalan perundangan baharu. Di bawah perundangan sedia ada kita tidak ada peruntukan ini. Ini adalah perundangan yang kita sebutkan tadi perundangan-perundangan yang ada diwujudkan di negara-negara maju seperti di USA, di Singapore, United Kingdom.

Mereka mempunyai perundangan ini yang lebih akan menjadikan rehabilitasi itu lebih efektif terutamanya pembiayaan penyelamat ini yang kita cadangkan untuk diperkenalkan. Maksudnya semasa syarikat itu *even* dalam tempoh rehabilitasi, apabila mereka memerlukan suntikan dana, mereka boleh memohon sedemikian dan institusi ataupun kreditor yang memberikan suntikan dana itu akan diberikan penarafan keutamaan paling tinggi sekira berlaku penggulangan. Jadi, inilah, sebagai insentiflah bagi institusi kewangan untuk mempertimbangkan, memberi suntikan dana bagi syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan dan ingin memperkenalkan ataupun mencadangkan rehabilitasi bagi syarikatnya.

Seterusnya, *cramdown*. Inilah persoalan itu, fasal 12. Fasal 12 yang kami cadangkan seksyen baharu di bawah pengenalan 368D yang baharu. Ini adalah memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengarahkan persetujuan kelas pemiutang. Maksudnya kelas pemiutang yang menentang, yang *dissenting*, dengan izin, *dissenting creditors*. Sebab syarikat-syarikat yang mempunyai pelbagai kelas pemiutang, maksudnya dia bukan berhutang dengan satu kelas, dia ada berbagai kelas pemiutang dan apabila ada kelas pemiutang yang – sebab mahkamah perlukan 75 peratus pemiutang bersetuju dengan rehabilitasi.

Apabila ada kelas pemiutang yang *dissenting* tadi yang tidak bersetuju, yang menentang, mahkamah mempunyai kuasa untuk mengarahkan persetujuan bagi yang menentang itu. Tetapi mahkamah perlu berpuas hati, ada kriteria di bawah cadangan kita, pengenalan 368D itu. Kriteria dia adalah mahkamah hanya akan benarkan atau akan hanya mengarahkan ataupun memerintahkan *cramdown* ini jika syarat-syarat dipatuhi iaitu syarikat mempunyai 75 pemiutang yang bersetuju. Kemudian, mahkamah perlu berpuas hati bahawa kompromi ataupun SPK yang dicadangkan itu tidak akan mendiskriminasikan kelas-kelas pemiutang yang menentang dan juga amaun yang akan diterima oleh *dissenting creditors* itu sebenarnya hendaklah tidak rendah daripada ataupun tidak kurang berbanding sekiranya syarikat itu digulungkan.

Sebab hanya dua opsiyen di sini. Satu, syarikat itu melalui proses rehabilitasi. Satu lagi biarkan syarikat itu digulungkan. Jadi, mahkamah perlulah berpuas hati untuk memerintahkan *cramdown* itu. Hanya apabila mahkamah berpuas hati jika skim yang dicadangkan itu akan membolehkan *even the dissenting creditor* mendapat *recovery* hutang yang tidak kurang daripada apabila syarikat itu digulung. Pasti apabila syarikat itu digulung, bank tidak akan mendapat pulangan sebab syarikat – hanya aset-aset yang tinggal sahajalah. Baki-baki aset yang hanya boleh dilunaskan oleh pelikuidasi untuk membayar hutang sekiranya ada aset syarikat, pada ketika syarikat digulungkan. Tapi berbanding apabila syarikat itu melalui proses rehabilitasi, kemungkinan pada syarikat itu beroperasi, dia boleh menjana

keuntungan dan *profit* dan dia boleh ada prospek untuk membayar lebih banyak lagi kepada kreditor, pemiutang-pemiutang.

Jadi, itulah konsep rehabilitasi dan juga *cramdown* apabila mahkamah ingin membuat keputusan itu. Jadi, ini adalah kuasa mahkamah. Mahkamah perlu melihat *from case-to-case basis*; apakah jenis-jenis, kelas-kelas kreditor yang ada dan apakah kreditor yang menentang itu, berapakah hutang dia, dan berapa juga aset syarikat itu dan prospek skim itu berjaya. Jadi, ini semua adalah perkara-perkara yang dipandang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Tuan Pengerusi, boleh mencelah sikit? Maknanya, ini berlaku di peringkat – penggulungan belum berlakulah?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Belum.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Okey. Masih boleh diselamatkan?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Masih boleh diselamatkan. Oleh sebab yang demikian, syarikat memohon untuk rehabilitasi. Dalam kes ini rehabilitasi secara SPK, *Scheme of Arrangement* ataupun Skim Perkiraan Kompromi yang kita cadangkan pindaan-pindaan bagi fasal 12 seksyen baharu 368D.

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: Saya nak tanya sikitlah, *kan*.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya, YB.

Tuan Manndzri bin Nasib: Mungkin soalan ini tak betul atau apa *kan*, tapi ada tak kemungkinan berlaku *conflict of interest* apabila mahkamah ini pun orang juga, hakim dia *kan*. *Company* yang terlibat dengan kes ini, katalah dia ada *investment*-kah ataupun isteri dia ada terlibat dengan *investment*-kah, macam mana nanti kita nak melaksanakan benda ini dengan adillah untuk negara kita ini, *kan*? Sebab kita pun agaknya prosesnya itu nak tentukan calon hakim saja pun dah kena *check* dulu *kan*, kes-kes yang terlibat. Kalau berpuluh-puluh kes, payah juga. Betul tak? Benda itu berlaku – ada kemungkinan tak berlaku? Itu yang saya tanya.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Dalam kebanyakan halnya kita faham; kita ada *judiciary* – komponen – tiga komponen *rule of law* di negara kita di bawah *Constitution*. Kita ada kehakiman, kita ada *executive* dan kita ada *legislative*, Parlimen ini. Maksudnya kita juga faham bahawa kehakiman adalah badan bebas yang perlu bebas apabila beliau mengambil sesuatu kes itu, perlulah bebas dan tidak ada apa-apa *conflict of interest*.

Jadi kita faham itulah polisi dan prinsip yang dijaga oleh kehakiman terutamanya. Jadi, itulah konsep yang saya katakan tadi. Mana-mana juga hakim akan melalui proses itu dulu dan yang kita faham di mahkamah-mahkamah, hakim-hakim juga tidak boleh – pihak-pihak yang memohon itu memilih hakim-hakim mereka sendiri. Tidak ada proses yang sedemikian. Jadi, maksudnya *we submit to*

that process, rule of law yang berlaku di bawah Perlembagaan Persekutuan Negara kita.

Tuan Manndzri bin Nasib: Boleh celah sikit? Maksudnya bukanlah dia menentukan hakim-hakim itu. Maksudnya bila sudah terlaksana itu, untuk memastikan keadilan itu, maksudnya pihak mahkamah itulah, pihak keadilan itulah akan menentukan siapa yang nak *lead* kes-kes tertentu ini supaya tak ada – itulah, itu yang nak dipastikan.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya, betul.

Tuan Manndzri bin Nasib: Mungkin kalau boleh – tengoklah, tak tahu, selitkah dekat dalam penambahbaikan yang ada dekat dalam fasal-fasal ini, pindaan ini. Kita boleh cakap nanti dalam Parlimen.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Tetapi bagi kebebasan mahkamah yang saya faham, dia tidak ditadbirkan di bawah akta ini. Kebebasan mahkamah adalah di bawah *Constitution*, di bawah Perlembagaan Persekutuan dan bukanlah kuasa di bawah akta ini untuk menyatakan kuasa-kuasa mahkamah seperti yang dinyatakan. Itulah respons saya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Saya rasa berkenaan dengan kalau hakim – betullah, hakim ini pun manusia juga. Tapi adalah menjadi tanggungjawab, tanggungjawab hakim itu sendiri. Andai kata dia rasa dia ada *conflict of interest*, dia ada kepentingan diri, mungkin pasangan dia, anak dia, anak dia terlibat dengan syarikat tertentu ataupun ada kenalan rapat dia terlibat dan sebagainya dan secara moral dia sepatutnya hakim itu kena tarik diri.

Prinsip itu bukan untuk sini saja. Untuk semua kes. Kes yang kita bicarakan di mahkamah, tak kira sivil ataupun jenayah memang jadi pegangan asas setiap hakim ataupun majistret, dia kena tarik diri. Itu bukan fasal disuruhkah, diarahkankah tapi pandai-pandailah, tahulah. So, saya rasa itu biar sebelah *judiciary* itu dia buat keputusan sendiri.

Dr. Salmah binti Sathiman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan) (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi) (KUSKOP)]: Saya merujuk kepada – Datuk, saya merujuk kepada yang tadi itu iaitu pembiayaan penyelamat. Dalam konteks ini, apabila syarikat itu hampir gulung tikar, sebenarnya di bawah KUSKOP dia ada dipanggil intervensi. Syarikat yang hampir gulung tikar kita berikan bimbingan dari segi khidmat nasihat, dari segi kewangan. Tetapi, masalahnya dia tak ada institusi pembiayaan.

Dalam konteks ini kita sebut institusi pembiayaan. Bila orang sudah nak gulung tikar, institusi pembiayaan mana yang sanggup nak *invest* menyelamatkannya? Itu timbul persoalan dekat situ. Adakah dana disediakan

yang di bawah – *linked* di bawah kementerian yang boleh fokus kepada, “Okey, ini syarikat ini boleh mohon geran-geran ini ataupun pembiayaan *begini*”. Sebab tanpa *recommendation* daripada – ataupun *endorsement* daripada *one party*, takkan ada institusi yang sanggup nak memberikan kewangan, pada pandangan sayalah untuk dia membaik pulih *company*.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Dengan izin, YB Pengerusi. Itulah pembiayaan penyelamat yang kami cadangkan ini, untuk diperkenalkan ini, adalah membawa satu polisi apabila suntikan dana itu dipertimbangkan oleh mana-mana bank, mereka akan diberi insentif iaitu diberikan penarafan keutamaan tertinggi ya, apabila syarikat – berlaku penggulungan ke atas syarikat.

■1150

Jadi, inilah perundangan yang kita cadangkan. Maksudnya bank-bank yang mempertimbangkan untuk memberi suntikan dana ketika syarikat itu mengalami masalah kewangan, ketika syarikat itu mencadangkan rehabilitasi dengan skim dia itu, dengan skim yang dicadangkan, kemungkinan ya, bank boleh mempertimbangkan. Apabila bank mempertimbangkan untuk memberi, bank itu akan diberikan penarafan paling tinggi.

Maksudnya hanya *next to liquidator fee*. Maksudnya apabila syarikat digulungan, bank yang memberikan suntikan dana dalam tempoh *rescue financing* ini akan diberikan *first priority* apabila syarikat itu – katakan skim itu juga tidak dapat membantu syarikat itu *being turned around*, maksudnya syarikat gagal direhabilitasi walaupun dengan skim itu tetapi apabila digulungan, bank itu yang memberikan *rescue financing* itu akan mendapat *priority* bagi pembayaran hutang dia.

Ya, jadi itulah perundangan yang dicadangkan oleh undang-undang ini untuk memberi insentif ya, bagi bank ya, untuk memberikan ya, suntikan dana itu dalam tempoh rehabilitasi. Maksudnya dia ada skim. Maksudnya kalau bank itu akan membuat penilaian kepada skim rehabilitasi itu, mungkin skim itu adalah skim yang sangat baik ya, yang akan membantu syarikat itu dipulihkan. Kalau yang demikian, bank itu akan mendapat pulangan. Bukan hanya pulangan, bersekali dengan *all the dividend* ataupun *interest* yang dibuatkan bagi syarikat tersebut, yang diberikan kepada syarikat.

Jadi, itu pun cara bank untuk membuat keputusan itu dan dibantu dengan perundangan yang memberikan penarafan keutamaan tadi. Jadi, itulah yang dibuat oleh undang-undang kita dalam cadangan fasal 368 – fasal 14 ya, seksyen 368B.

Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Tuan Pengerusi, maksudnya apa yang diterangkan oleh Datuk tadi, maksudnya kreditor – katakanlah usahawan ini dia perlu *rehab*. Kemudian, kreditor dia katakan bank A. Adakah undang-undang

ini membenarkan keutamaan diberikan kepada bank A untuk nak jadi *rescue* ataupun usahawan ini boleh pergi mana-mana bank untuk nak *rescue* dia?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Mana-mana bank, YB.

Dato' Rosol bin Wahid: Mana-mana bank?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Mana-mana bank dan bank yang bersetuju...

Dato' Rosol bin Wahid: Boleh tak kita buat keutamaan kepada yang kreditor tadi itu, yang mula-mula? Keutamaan begitu. Kalau dia tak nak, baru kita buka kepada yang lain? Boleh begitu? Atau kita *open it*.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Kita *open* saja.

Dato' Rosol bin Wahid: *Open it*.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Kita *open* sahaja. Terpulang kepada mana-mana bank ya, ataupun *can be more than one bank* sebab tertakluk kepada kemampuan ataupun permohonan syarikat itu sendiri bagaimana dia – apakah saiz dana yang diperlukan untuk suntikan dana dalam tempoh rehabilitasi. Jadi, kita buka dan insentifnya pada mana-mana bank yang bersetuju untuk memberi dana itu akan diberi *priority*.

Tuan Manndzri bin Nasib: Yang Berbahagia Datuk, ini supaya *clear-lah kan*. Yang, contohnya satu *company*-lah, *company A*, dia dah nak kena diselamatkan inilah. So, dia boleh mula mendapat, apa nama itu, halangan-halangan itu. Maksudnya, yalah proses mahkamah ini panjang, *company* dah nak *melingkup* dah ini. So, daripada *start* dia memohon itu, berapa lama sebenarnya dia...

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Patut...

Tuan Manndzri bin Nasib: ...nak disahkan? Sebab kalau benda ini kuasanya kita boleh – bahagian mahkamah ni banyak sangat. So, *company* nak bankrap ini dia bukannya boleh tunggu-tunggu *kan*. Maksudnya bila dia mohon dia dapatkah, terus boleh melakukan dia punya rehabilitasikah, macam mana tu?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Itu yang kita cadangkan tadi tempoh perintah halangan ya; perintah halangan itu ialah moratorium. Tempoh itulah yang memberikan syarikat itu bernafas. Maksudnya tanpa diganggu oleh permohonan-permohonan oleh kreditor untuk syarikat itu digulungkan. Sebab apabila syarikat gagal membayar hutang, selalunya tindakan oleh pemiutang ataupun kreditor adalah menggulungkan syarikat ya.

Jadi, tempoh yang dikatakan tempoh perintah halangan itu akan tidak membenarkan mana-mana kreditor mengambil tindakan penggulungan terhadap syarikat. Jadi itulah perintah halangan tadi. Perintah halangan tadi kita sebutkan maksimumnya adalah sehingga 12 bulan, ya. Itu maksimum sebab kita tak bolehlah memberikan lebih lagi sebab akan menjadi *abuse* pula kepada *process of court*.

Mungkin syarikat melengah-lengahkan untuk membayar hutang. Jadi, tempoh itu telah pun diperjelaskan sehingga tadi kita sebutkan sembilan bulan ya. Tiga bulan campur sembilan bulan ya. Maksudnya, setahun ya.

Jadi itulah tempoh yang dia boleh mendapatkan – dia membuatkan cadangan-cadangan, skim dia sehinggalah diluluskan ya. Akhirnya bila diluluskan, perintah halangan itu tidak diperlukan lagilah selepas itu sebab syarikat akan mematuhi skim itu sehinggalah hutang itu selesai dibayar. Kalau tidak, kalau gagal skim itu, dia mesti akan digulungkan jugalah akhirnya. Apabila digulungkan, dalam kes, contoh *rescue financing* yang – bank yang memberikan suntikan dana, *rescue financing* tu semua akan mendapat penarafan keutamaan tinggi. Jadi, itulah proses dia sehingga – kita harap tak adalah berlaku penggulangan. Kita harap dia berjaya habis dengan skim itu, dia berjaya selesaikan dan syarikat itu akan bebas daripada masalah keberhutangan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Saya melihat pindaan RUU ini penting, sangat baik sebab ekonomi kita ini, *market economy* ya, syarikat. Adakah ini, keperluan untuk adakan pindaan ini selepas kita mengalami kesan COVID-19 dua tahun, mungkin ada syarikat yang terjejas, *kan?* Kalau dah di-*winding up*, dah gulung tu susahlah ya. Jadi, sebelum itu kita selamatkan dulu. Satu soalan lagi, adakah – satu topik yang menarik, *rescue financing*. Adakah ini semacam Danaharta, Danamodal dulu masa krisis ekonomi tahun 98-99? Terima kasih.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Terima kasih. YB Pengerusi, Danamodal dan Danaharta itu adalah perundangan terdahulu yang diperkenalkan – tak silap saya, selepas *Asian Financial Crisis* dulu 1997-1998, ya. Malaysia pun telah ada Danamodal dan perundangan itu tidak lagi wujud, telah pun dimansuhkan. Pada ketika ini, tidak ada lagi.

Oleh sebab yang demikian, pada tahun – *in fact*, di SSM kita mencadangkan *rescue mechanism* ini pada tahun semasa kita menggubal undang-undang syarikat dulu, kita mencadangkan pembaharuan, memodenkan Akta Syarikat apabila Akta Syarikat 1965 memang tidak ada kita *rescue mechanism*.

Kemudian, untuk menggantikan ya, Danamodal dan Danaharta mungkin – tetapi prosesnya lebih agak berbeza, tetapi kita menggantikannya dengan mekanisme penyelamat korporat di bawah Akta Syarikat 2016. Akta yang telah kita modenkan dan kita mansuhkan akta 1965 tu terdahulu. Sekarang apabila COVID-19 dan sebagainya, kita ingin menambahbaikkan lagi *rescue mechanism* di bawah akta 2016 sebab kita lihat negara-negara seperti di US ya, di UK dan Singapore telah pun ada seperti konsep-konsep *rescue financing*, konsep-konsep *cramdown* ini diperkenalkan.

Jadi, kita tidak mahu ketinggalan di dalam perundangan rehabilitasi korporat di Malaysia, kita memperkenalkan semua peruntukan ini bagi Malaysia. Supaya rehabilitasi korporat di Malaysia ini lebih efektif, dapat menyelamatkan syarikat. Jadi itu...

Dato' Rosol bin Wahid: Satu lagi, Pengerusi. Saya nampak memang satu – saya rasa setiap akta dibina untuk kebaikanlah, kebaikan bersama, kebaikan rakyat dan juga kebaikan kerajaan. Cuma tadi sebut penarafan ya. Jadi, bila satu kreditor dapat penarafan kata lima bintang, yang beri penarafan tu SSM-kah ataupun siapa? Kemudian, apa *privilege* daripada penarafan tersebut?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Dengan izin, Yang Berhormat Pengerusi. Penarafan itu adalah di bawah peruntukan sedia ada, di bawah akta. Bukan oleh SSM. Kita ada – apabila syarikat digulungkan, selain daripada *secured creditor*, kita mempunyai *priority* ya, penarafan kreditor-kreditor yang tidak – *unsecured creditor* yang maksudnya – yang pertama tadi saya sebutkan tadi bahawa akta adalah *liquidator*, maksudnya pemiutang yang menjalankan proses penyelesaian itu. Dia mendapat keutamaan pertama sebab fi dia mesti dibayarlah sebab dia perlu menjalankan proses penyelesaian hutang syarikat.

■1200

Kemudiannya, yang kedua adalah ini – *rescue financier* yang akan kita beri. Kemudian, kita ada Lembaga Hasil (*tax authority*), *employee* dibayar gaji, itu semuanya di bawah akta untuk menjawab soalan YB. Bukannya oleh SSM, di bawah akta. Maksudnya, berlaku penggulungan, *liquidator* ataupun penyelesaian yang masuk akan dipandu oleh perundangan, *priority of creditor* ini di bawah Akta Syarikat.

Dato' Rosol bin Wahid: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Bermakna, keistimewaan dia – dia ada keistimewaan dialah?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Dinyatakan di bawah akta. Pertama sekali *secured creditor*-lah. Maksudnya pemiutang bercagar. Dia ada aset yang dicagarkan, yang dipegang oleh *banks* terutamanya tanah, apa-apa juga aset yang dicagarkan. Dia mendapat prioriti yang utama sekali sebagai *secured creditor*.

Selain daripada mereka, kita ada *priority* tadi. Yang pertama sekali ialah penyelesaian (*liquidator*), kemudian tadi adalah *rescue financier*, kalau ada suntikan dana (*rescue financing*) dalam tempoh rehabilitasi. Kemudian, kita ada lain-lain lagi. *Unsecured creditors* seperti saya sebutkan tadi seperti contohnya Lembaga Hasil yang mendapatkan bayaran cukai, pekerja-pekerja yang mesti diberikan gaji.

Jadi, itu adalah *unsecured creditor* ataupun *supplier-supplier* yang telah menghantar barangan yang bayarannya belum dibayar, yang bukanlah *secured*

creditor itu semua dinyatakan dalam senarai keutamaan bagi pemiutang tidak bercagar.

Tuan Pengerusi: Saya minta Datuk teruskan dengan pembentangan dahulu sebab saya tengok banyak lagi slaid.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Okey, banyak lagi. Jadi, kita boleh teruskan dengan slaid seterusnya. Kluster polisi kedua adalah yang seterusnya memperkukuh berkaitan CVA, JM dan SPK. *Next*, ini adalah fasal 17. Lanjutan tadi, perintah JM boleh dilanjutkan tempoh enam bulan atau suatu tempoh lebih lama dan dia terus berkuat kuasa melebihi 12 bulan.

Ini adalah JM pula. Tadi SPK, ini JM. Di bawah perintah mahkamah, pembiayaan penyelamat juga boleh dimohon yang *financing* tadi, boleh juga dimohon di bawah perintah JM. *Next*. Seterusnya, membenarkan pemiutang bercagar untuk mendapatkan semua harta alih bercagar dalam tempoh moratorium. Ini adalah bagi barang-barang ataupun aset harta alih yang kemungkinannya dia perlu mendapatkan semula aset itu untuk memastikan harganya tidak jatuh lagi. Maksudnya, dia boleh – maksudnya pemiutang bercagar boleh melupuskan aset-aset harta alih semasa dalam tempoh moratorium supaya pemiutang bercagar itu mendapat pulangan yang tertinggi dengan harta alih yang dipegang sebagai cagaran.

Seterusnya, memperkenalkan polisi baharu menangani fasal berkenaan insolvensi mana-mana kontrak untuk pembekalan barangan. Ini adalah pembekalan barangan yang kita sebut *essential goods* seperti elektrik, maksudnya – maksudnya kalau dia walaupun gagal membayar hutang ataupun *supplier* barang-barang yang dihantar bagi syarikat itu perlulah diteruskan bagi perkara-perkara barangan-barangan yang disebut sebagai *essential goods*.

Sebenarnya, *essential goods* ini telah pun disenaraikan di dalam perundangan kita; apakah *essential goods* yang perlu diteruskan perkhidmatannya ataupun barangan tersebut diberi kepada syarikat, walaupun syarikat mengalami masalah kewangan. Sebab dalam kontrak, selalunya apabila syarikat mengalami masalah kewangan ataupun *insolvent*, ada berlaku automatik pembatalan kontrak. Maksudnya, sebab dia gagal. Dia adalah *insolvent*. Jadi, ini ialah perundangan baharu yang memastikan syarikat itu masih *at least* mendapat *essential goods* walaupun dia dalam tempoh kegagalan membayar hutang. Ini adalah hanya tempoh bagi 30 hari sahaja, bagi *essential goods* ini diteruskan.

Next. Okey. Jadi, kita telah pun selesai membincangkan semua berkenaan dengan penyelamat korporat. Polisi satu dan dua. Perluasan dan juga penambahbaikan bagi CVA, SPK dan JM. Jadi, sekarang kita terus kluster polisi tiga

iaitu memperkukuh kerangka pelaporan pemunyaan benefisial ataupun *beneficial ownership*.

Peruntukan ini sebenarnya telah pun sedia ada di bawah Akta 777, Akta Syarikat 2016 sedia ada di bawah seksyen 56. Tetapi, seperti yang disebutkan oleh Senator tadi bahawa perundangan ini perlu kita tambah baik disebabkan terdapat jurang, ada *gap* di dalam piawaian antarabangsa yang di – *best practices* yang dicadangkan oleh FATF dan OECD.

FATF ini seperti disebutkan tadi adalah badan antarabangsa, piawaian antarabangsa Financial Action Task Force yang membangunkan piawaian bagi memerangi aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Malaysia ini diberikan penarafan dan disebutkan tadi inilah keperluan kita meminda Akta 777. Sebab penarafan ini akan berlaku tahun hadapan, pada tahun 2024 dan 2025. Penarafan oleh FATF akan bermula tahun 2024.

Jadi, kita perlulah memastikan perundangan kita ditambah baik selari dengan piawaian antarabangsa. Seterusnya, cadangan ini akan meningkatkan ketelusan pemunyaan benefisial ataupun *BO framework* di Malaysia yang akan dapat membantu agensi-agensi penguat kuasa seperti SPRM, PDRM, Bank Negara bagi memudahkan siasatan berkenaan dengan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.

Okey, *next*. Ini adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh SSM di bawah akta ini iaitu fasal 2: Pindaan kepada seksyen 2 iaitu definisi telah pun kami cadang untuk dipinda. Ini adalah selaras dengan definisi FATF supaya kita mempunyai perundangan yang sama seperti di peringkat antarabangsa iaitu pemunya benefisial itu diperjelaskan lagi siapakah dia BO itu. Ia akan merujuk pada individu sama ada mempunyai milikan mutlak atas saham (*ultimately owned*) saham itu ataupun individu yang mempunyai kawalan mutlak.

Jika tanpa saham, maksudnya dia ada mempunyai *controlling interest* ataupun – dan termasuk juga individu yang mempunyai kawalan berkesan mutlak ataupun *ultimate effective control* ke atas syarikat bagi syarikat-syarikat yang tidak mempunyai saham. Inilah kita katakan tadi, diperjelaskan lagi siapakah pemunya benefisial ataupun BO di bawah perundangan di negara kita. *Next*.

Tadi disebutkan juga pendaftar mempunyai kuasa mengeluarkan garis panduan. Slaid yang sebelum tadi, sedikit. [*Merujuk kepada urus setia*] *Bullet* kedua ini, inilah peruntukan yang penting bagi kami mohon. Pendaftar diberi kuasa mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenal pasti pemunya benefisial.

Daripada definisi tadi, pendaftar diberikan kuasa ini supaya kita membuat garis panduan-garis panduan yang lebih jelas bagi membantu syarikat-syarikat

mematuhi penzahiran berkenaan; siapakah pemunya benefisial seperti definisi yang digunakan di peringkat antarabangsa.

Seterusnya. Jadi, kita pinda juga fasal 3 bagi menyatakan syarikat hendaklah ataupun keperluan syarikat menyimpan dan menyelenggarakan daftar pemunya benefisial. Jadi, maksudnya daftar ini mesti ada di pendaftaran syarikat dan juga maklumat yang sama mestilah diserahkan ke SSM sebagai pendaftar 14 hari dari tarikh maklumat itu direkodkan di *registered office*. Jadi, kita mempunyai dua daftar. Satu disimpan di syarikat, satu disimpan oleh SSM. Maklumat ini disimpan tujuh tahun dari tarikh orang itu berhenti menjadi pemunya benefisial. So, data ini mesti disimpan untuk tujuan penyiasatan dan lain-lain keperluan.

Next slide. Berkenaan BO juga, kita menyatakan di bawah fasal 3 ialah kewajipan untuk memaklumkan syarikat bahawa dia adalah pemunya benefisial. Ini ialah keperluan (*duty*) ataupun tanggungjawab yang dikenakan ke atas BO itu sendiri supaya dia mempunyai kewajipan memaklumkan syarikat bahawa dia sebenarnya adalah pemunya benefisial.

Dr. Rosbi binti Abd Rahman [Pengarah (Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Polisi tiga sudah sekarang. Tentang BO.

■1210

Kewajipan ini dinyatakan dengan jelas di bawah perundangan baharu bahawa dia mempunyai tanggungjawab memaklumkan syarikat bahawa dia adalah BO dan kewajipan untuk memaklumkan syarikat ini jika terdapat perubahan. Jika berubah, perlulah direkodkan dalam data di syarikat dan direkodkan juga di SSM dan kewajipan untuk memaklumkan syarikat apabila dia berhenti menjadi pemunya benefisial. Kita telah meletakkan kesalahan jika dia tidak melakukan perkara ini adalah akan menjadi kesalahan. Jadi, jelas tanggungjawab ini diperlukan di bawah akta yang kita cadangkan untuk dipinda.

Next, adalah kluster polisi keempat. Ini adalah selain daripada BO, tadbir urus juga tetapi peruntukan-peruntukan untuk memperjelaskan peruntukan sedia ada di bawah syarikat. Slaid seterusnya untuk polisi empat. Antara cadangan yang kami masukkan, cadangan dalam pindaan adalah fasal 28. Ini adalah berkenaan dengan laman sesawang SSM. Boleh – *next* ya. Laman sesawang SSM boleh memudahkan dan digunakan bagi menerbitkan maklumat dan warta menggantikan keperluan perundangan bagi menangani isu-isu praktikal di mana tiada lagi edaran surat khabar

fizikal secara meluas di seluruh Malaysia dan ini boleh mengurangkan kos pengiklanan. Ini kita cadangkan dalam fasal 28.

Fasal 7 adalah berkenaan dengan kuasa pendaftar untuk mengeluarkan garis panduan bagi memastikan prinsip kebebasan juruaudit dikekalkan. Ini adalah tadbir urus berkenaan dengan kebebasan juruaudit terutamanya apabila pelantikan juruaudit yang mempunyai pasangan yang bekerja dalam syarikat atau kumpulan yang akan diaudit di firma audit itu.

Maksudnya jika dapat dibuktikan – kami akan nyatakan dalam bentuk garis panduan nanti. Jika dapat dibuktikan bahawa juruaudit tersebut walaupun mempunyai pasangan ataupun *spouse* dalam syarikat yang akan diaudit itu, jika pasangan itu tidak berada dalam bahagian-bahagian yang berkaitan dengan audit, maksudnya juruaudit itu boleh masih menerima lantikan sebagai juruaudit bagi syarikat tersebut. Apabila dapat dipastikan pasangannya sebenarnya tidak ada kaitan langsung dengan pengauditan kewangan yang dijalankan oleh syarikat firma juruaudit tersebut.

Sebab selalunya audit yang dilaksanakan di bawah Akta Syarikat ini adalah audit kewangan (*financial audit*). *Financial audit* ini selalunya akan menjurus kepada proses-proses kewangan. Yang diaudit oleh juruaudit itu adalah proses kewangan, data-data kewangan yang disediakan oleh syarikat itu sama ada akaun ataupun penyata kewangan yang disediakan itu adalah mematuhi piawaian perakaunan dan adalah *true and fair* bagi status kewangan syarikat tersebut bagi tahun-tahun kewangan.

Jadi, ia adalah berkaitan dengan kewangan syarikat dan jika katakan *spouse* ataupun pasangan juruaudit itu tidak berada di mana-mana juga skop pengauditan yang dijalankan oleh juruaudit, maka beliau masih boleh menerima lantikan sebagai juruaudit bagi syarikat tersebut. Ini akan dijelaskan dalam garis panduan yang akan dikeluarkan oleh SSM.

Fasal 21 adalah menghendaki penyelesaian melaporkan butir-butir mereka kepada pendaftar selepas lesen diluluskan. Ini adalah bagi pelesenan penyelesaian ataupun *liquidator* yang dilantik di bawah Akta Syarikat. Ini ialah peruntukan untuk memperjelaskan lagi tanggungjawab *liquidator* atau penyelesaian bagi melaporkan butir-butir mereka kepada pendaftar setelah lesen diluluskan.

Peruntukan ini sedia ada, belum ada lagi di bawah Akta Syarikat dan kami ingin memperkenalkan ini agar kami dapat menguruskan butir-butir berkenaan dengan *liquidator* juga. Selain daripada *auditor*, memang ketika ini memang ada proses tersebut. Peruntukan itu ada dalam perundangan sedia ada tetapi untuk *liquidator* tidak ada. Jadi, kami memperkenalkan proses yang sama bagi penyelesaian juga, bagi pendaftar menguruskan maklumat-maklumat berkenaan dengan

penyelesai. Jadi, ini adalah peruntukan yang kami cadangkan untuk menambahbaikkan lagi pengurusan maklumat berkenaan dengan pelikuidasi, *liquidator* atau penyelesaian.

Jadi, itulah yang terakhir slaid saya berkenaan dengan polisi keempat dan saya rasa kita telah pun membincangkan hampir kesemua fasal-fasal perundangan yang kami cadangkan bagi dipinda di bawah Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 YB Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Nor Azimah yang telah memberikan pembentangan dan juga kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan. Jadi, saya – ini *second round* ya, selepas tamat pembentangan. Memang kalau kita tengok 31 fasal yang dicadangkan tersebut, pindaan terhadap Akta Syarikat hampir 50 muka surat. So, saya rasa memang sangat bermakna dan informatif pembentangan oleh Yang Berbahagia Datuk.

Saya ada beberapa soalan. Yang pertama, saya hendak tanya, penarafan daripada badan antarabangsa itu FATF. Tadi ada dua itu kan? Satu Financial Action Task Force (FATF) dan satu lagi OECD. OECD itu apa nama penuh dia?

Puan Norhaiza binti Jemon [Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]: OECD itu adalah Organization Economic Development Countries.

Tuan Pengerusi: Sekali lagi.

Puan Norhaiza binti Jemon: *Organization.*

Tuan Pengerusi: Oh, *Organization.*

Puan Norhaiza binti Jemon: For Economic Development Countries.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Organization for Economic Co-operation Development.

Tuan Pengerusi: *Economic development.*

Seorang Ahli: *Co-operation.*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: *Co-operation.*

Tuan Pengerusi: Eh, *co-operation.*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Yang ini menjalankan penarafan berhubung isu penzahiran bagi percukaian negara-negara yang berdagang dengan OECD. Kita – Malaysia bukan negara OECD tetapi kita berdagang dengan OECD. Apabila kita berdagang dengan OECD, OECD meminta kita mematuhi *best practices* dia. Jadi, kita – seperti *sharing of – exchange of information* berkenaan dengan percukaian.

Tuan Pengerusi: Okey, kita bukan anggota dialah?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Kita bukan anggota.

Tuan Pengerusi: Berapa banyak negara yang jadi anggota dia?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Kita pun – tolong semak, OECD (*Merujuk kepada pegawai*). Kita adalah negara yang berdagang dengan OECD.

Tuan Pengerusi: Ha. Saya minta maaf. Saya kena tanya soalan yang asas.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Boleh.

Tuan Pengerusi: Sebab ini kali pertama saya ada peluang untuk OECD ini.
[Ketawa]

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya. OECD...

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim [Timbalan Pengarah (Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan), Bank Negara Malaysia (BNM)]: 38 members.

Tuan Pengerusi: 38.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: 38 negara.

Tuan Pengerusi: Antaranya kalau di Asia Tenggara ini?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Asia Tenggara tidak ada.

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: Asia Tenggara...

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Dia G20. Negara-negara OECD.

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: *I think Singapore is. Singapore...*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: *OECD countries...*

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: *Singapore is. Singapore...*

Tuan Pengerusi: *Singapore, yes.* Okey, okey. Tidak apa. Soalan saya macam ini.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: *Okey. France, United States, Spain, Germany, Italy, Switzerland, Finland, itulah negara-negara Denmark, Sweden, Mexico, Portugal, Poland.*

Tuan Pengerusi: Sebelah Eropah duit banyaklah. Okey, tidak apa. Saya tanya ini. Ini sebab kita hendak patuhi piawai yang ditetapkan oleh dua organisasi ini. Okey, FATF dan OECD. Saya hendak tanya, bagaimana dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain, jiran-jiran kita? Adakah mereka telah mematuhi penarafan yang ditetapkan ini? Ataupun ada sebab-sebab tertentu kenapa kita diwajibkan untuk mematuhi piawai yang telah ditetapkan? Itu soalan pertama saya.

Yang soalan kedua saya, dengan adanya pindaan ini, pindaan yang dicadangkan yang kita akan luluskan pada hujung bulan depan, apakah ia akan memberikan beban kerja terhadap SSM sendiri? Sebab saya nampak bidang tugas, skop SSM itu akan bertambah, bagaimana dengan beban dan implikasi kewangan kepada SSM? Okey, soalan kedua. Selepas –

■1220

Selepas – saya ada enam soalan. Soalan ketiga – beritahu jumlah soalan dulu. Okey, soalan ketiga, saya nampak skop ataupun definisi untuk pemunya benefisial sudah bertambah. Kalau ikutkan *Company Act* yang asal, skop dia lebih sempit, diperluaskan terutamanya kepada barang siapa yang ada *control*, ada kawalan terhadap syarikat.

Saya difahamkan dia ada satu *minimum requirement*. Dia kena ada 20 persen pegangan syer.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Saya mohon benda itu. Tapi kalau macam mana kalau orang itu, dia sebenarnya *in actual fact – de facto*. Dia yang *control*. Tapi yalah, nama dia tak wujud sana. So, macam mana nak *handle*? Okey, itu yang ketiga.

Yang keempat, apakah pandangan daripada institusi kewangan setakat ini berkenaan dengan pindaan ini sebab ini terutamanya berkenaan dengan kluster satu yang dibentangkan tadi, yang berkenaan dengan perjanjian-perjanjian gadaian yang telah dimasuki antara institusi kewangan dengan syarikat-syarikat yang memohon gadaian, yang telah gadai – ada perjanjian gadaian dengan institusi kewangan.

Apakah pandangan mereka? Dan dengan adanya pindaan ini, apakah ada risiko atau tidak wujud esok, mana-mana syarikat yang tidak berpuas hati? Sebab, katakan perjanjian gadaian itu sudah dimasuki sebelum ini. Sebelum pindaan ini diwartakan, berkuat kuasa. Nanti dia kata, “*Kenapa you buat satu undang-undang yang menjejaskan ataupun mendatangkan kesan tertentu terhadap perjanjian gadaian sebelum ini?*”. Okey, itu yang keempat.

Yang kelima, apakah libat urus yang berkenaan dengan badan-badan yang berkaitan? Saya nampak walaupun ambil masa yang agak lama, terutamanya institusi bank sebab kalau gadaian ini banyak melibatkan institusi bank dan apakah pandangan daripada mereka?

Soalan terakhir adalah saya nampak pindaan ini terutamanya untuk kita membantu syarikat-syarikat yang hadapi masalah. Okey, sebab itu ada perkataan rehabilitasi untuk membolehkan mereka mendapat peluang kedua sebelum tindakan undang-undang yang biasa, penggulungan dan sebelumnya. Cuma kalau dibuat – saya nampak pindaan ini memang sangat *friendly* dengan syarikat tersebut sebab kita tak mahu nanti semua syarikat ada masalah terus pergi proses mahkamah, terus penggulungan dan semua letak pada *insolvency*.

Nampak memang ada cara yang kedua, peluang kedua untuk mereka. Suatu yang sangat baik. Sangat holistik. Sebenarnya ini suatu yang sangat baik. Cuma saya takut institusi kewangan mungkin mempunyai pandangan yang berbeza yang menyebabkan mereka berat nak bagi pinjaman ataupun dana kepada syarikat-

syarikat selepas adanya ataupun selepas pindaan ini diwartakan. Sebab saya bimbang satu, “*Oh, ini kalau esok kita sudah ada perjanjian gadaian dengan syarikat tertentu*”. Lepas itu dia ada peluang kedua yang menyebabkan pihak bank terpaksa fikir dua kali dan mengetatkan syarat-syarat mereka memberikan pinjaman melalui gadaian kepada syarikat-syarikat pada masa akan datang. Jadi, implikasinya terhadap *market*, terhadap ekonomi secara keseluruhan. Itu enam soalan saya. Terima kasih.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Terima kasih, YB Pengerusi. Enam soalan yang dibangkitkan tadi. Saya cuba kemudian saya akan jemput juga ahli-ahli. Berkenaan dengan mengapa – soalan pertama YB Pengerusi tadi, mengapa Malaysia perlu mematuhi penarafan.

Ia ada dua penarafan tadi, FATF dan juga OECD. Tapi OECD tadi kita jelaskan tentang pencukaaian dan pencukaaian itu adalah terutamanya dengan Lembaga Hasil Dalam Negerilah. Badan yang kami selalu berurusan, dengan LHDN, MOF apabila penarafan oleh OECD. Bagi FATF adalah dengan Bank Negara. Okey, saya jemput wakil daripada Bank Negara, Dr. Sarah berkenaan dengan penarafan FATF. Silakan.

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: Terima kasih, Datuk Azimah. Yang Berbahagia Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli *select committee*.

Okey, untuk dijelaskan Financial Action Task Force. Malaysia adalah *member* ataupun ahli kepada Financial Action Task Force bermula pada tahun 2016. Financial Action Task Force setelah mengeluarkan satu keperluan *or requirement* untuk negara-negara untuk mematuhi peruntukan yang dibuat untuk mengawal atau memerangi aktiviti pengubah wang haram dan pembiayaan keganasan. Malaysia telah dinilai oleh FATF pada tahun 2014 dan akan sekali lagi dinilai pada tahun 2024 dan 2025.

Sebelum Malaysia menjadi ahli FATF, kita adalah *member* kepada Asia Pacific Group on Money Laundering yang mengguna pakai peruntukan yang sama. Jadi, walaupun semasa Malaysia belum menjadi *member* kepada FATF, kita telah mengguna pakai peruntukan tersebut. Ini juga terpakai di seluruh Asia. Di seluruh dunia *in fact* – walaupun negara yang menjadi ahli kepada FATF adalah 40 termasuk Singapura, Indonesia, Japan, Korea, semua negara satu dunia memang mengguna pakai peruntukan ini dan Malaysia akan dinilai dan diberi peruntukan di mana ketidakpatuhan akan membolehkan negara disenarai hitam. Disenarai hitam yang akan memberi implikasi ke atas ekonomi ataupun kebolehan syarikat-syarikat Malaysia untuk *to go to the international market*-lah. Sebab sekiranya you disenarai hitam seperti Iran, di *region* kita Philippines, Vietnam mereka agak lebih susah untuk

menembusi pasaran kewangan antarabangsa. Itu dia punya *general implication* kalau kita tidak mematuhi peruntukan daripada FATF.

Untuk *transparency* ataupun mengenai pemunya benefisial, pada tahun 2014 ini antara dua kategori yang kita Malaysia belum lagi memenuhi dengan sepenuhnya. Jadi, dengan perubahan peruntukan ini, *that's why* hari ini yang kita – Datuk CEO telah bantangkan tadi, keperluan kita untuk meminda dan mematuhi dengan secara maksimum yang semungkin supaya penarafan kita dinaikkan dari *currently* kita hanya *partially compliant, which is under* dua daripada 40 rekomendasi, hanya dua sahaja yang kita *rated* sebagai *partially compliant in which we hope that this* perubahan kepada peruntukan ini akan menaiktarafkan *rating* untuk Malaysia bagi peruntukan pemunya benefisial. Okey, itu mengenai FATF. Terima kasih.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Baik Tuan Pengerusi. Itu soalan pertama Tuan Pengerusi tadi. Soalan kedua berkenaan implikasi kewangan kepada SSM ditanyakan tadi. Implikasi kewangan memang kepada SSM tapi bukan kepada Kementerian Kewanganlah sebab SSM tidak menerima dana daripada MOF. Jadi, kami adalah *self-sustained body*.

Kami menanggung kos-kos itu sendiri. Kami perlu menyediakan – *in fact* kita ada sistem yang sedang dibangunkan sebab pemunyaan benefisial ini akan diserahkan simpan maklumatnya secara elektronik dan sistem itu memang dibangunkan. Sekarang kita membangunkan sistem secara interim yang dibangunkan sendiri oleh pekerja-pekerja ICT SSM, telah pun akan siap pada November ini. *Insyah-Allah*, kita akan menyediakan sistem kalau perundangan ini diluluskan kita punyai sistem interim *beneficial ownership* yang boleh diserahkan simpan secara elektronik yang ditanggung sendiri SSM.

Satu lagi sistem besar yang sedang dibangunkan oleh SSM ini *core system* yang akan merangkumi juga semua serah simpan secara elektronik termasuk *beneficial ownership* dalam sistem teras SSM yang akan selesai kami jangka pada 2025. Itu yang jangka panjanglah, sistem besar yang kami sedang tambah baik pada ketika ini.

■1230

Tetapi sistem interim memang telah pun kami wujudkan dan dengan pembangunan secara dalaman SSM sendiri, kami telah pun menggunakan portal itu untuk *beneficial ownership* dengan dana sendiri, SSM, ya. Jadi itu untuk soalan YB tentang implikasi kewangan pada SSM.

Soalan tiga adalah skop pemunya *beneficial* yang telah bertambah ya. Memang betul YB, tetapi sebenarnya dia adalah untuk mematuhi definisi FATF tadi yang kita sebutkan supaya definisi SSM ini adalah selari ya, *beneficial ownership* di

Malaysia, secara definisi adalah selari dengan piawaian antarabangsa oleh FATF tadi.

Tetapi *controlling interest* ya, negara-negara lain ada *controlling interest percentage* dia. Bagi Malaysia adalah 20 peratus, YB. Jadi, kita mengekalkan 20 peratus *controlling interest*. *The moment* dia *trigger* pemegangan saham 20 peratus *controlling interest* itu, dia adalah jatuh di bawah – maksudnya mempunyai kawalan ya dari segi saham, *controlling interest* main saham. Tetapi negara-negara lain kita lihat ada 25 peratus ya, jadi itulah negara-negara itu sendiri akan menentukan dan bagi Malaysia, kita telah menetapkan 20 peratus supaya kita selari juga dengan *controlling interest* yang didefinisikan di bawah undang-undang di bawah *Financial Services Act* (FSA) dan yang lain di Malaysia ini. Itu adalah skop pemunya *beneficial* dan tadi kita pun telah pun jelaskan selain dari pemegang saham, dia boleh juga *controlling interest* selain daripada saham ya, yang juga dijelaskan dalam definisi baharu. Jadi itu, kalau saya telah menjawab soalan YB. Okey.

Soalan empat YB adalah perundangan institusi kewangan ya, polisi satu dan dua tadi. Ini adalah berkenaan dengan institusi kewangan yang mempunyai perjanjian-perjanjian gadaian yang sedia ada yang Tuan Pengerusi sebutkan tadi. Dengan pindaan tadi, ada risiko syarikat yang tidak berpuas hati. Tadi kita telah jelaskan di bawah fasal yang kita cadangkan bagi SPK bahawa *cramdown* tadi ya – *oh sorry*, untuk gadaian tadi YB. Maksudnya kita telah nyatakan sebenarnya perundangan sedia ada di bawah Akta Syarikat telah pun menjaga kepentingan *secured creditors* ataupun pemiutang-pemiutang yang memegang gadaian.

Maksudnya mereka adalah mempunyai hak mutlak terhadap gadaian yang dipegang ya. Apabila ada skim yang dicadangkan, ia adalah *excluding* gadaian yang dipegang ya, dan mereka juga perlu memberikan kelulusan. Jadi, oleh sebab yang demikian, inilah dalam proses konsultasi yang telah kami laksanakan dengan bank ya. Mereka tidak mempunyai bantahan. Maksudnya, mereka tahu di bawah perundangan sedia ada, *secured creditors interest* adalah terjaga di bawah perundangan sedia ada.

Puan Norhaiza binti Jemon: Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam peruntukan sedia ada, di bawah seksyen 404 itu sendiri yang mengatakan bahawa, “*CVA shall not be approved...*” sekiranya dia *affect the rights of a secured creditor of the company to enforce* dia punya *security except with the concurrence of the secured creditor concerned*. So, maksudnya dalam peruntukan sedia ada telah pun menjamin hak *secured creditors* tersebut termasuklah *financial institution* yang mempunyai gadaian. So, saya rasa tidak ada isu berkaitan dengan ketidakpuashatian, berkaitan dengan gadaian-gadaian yang sedia ada. *Because*

peruntukan ini telah mula berkuat kuasa *since 2017* lagilah, bila akta ini dikuatkuasakan.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Itulah kepada soalan empat. Risiko itu telah pun dibincangkan ya, dan mereka bersetuju ya.

Jadi, soalan lima adalah libat urus yang telah dilaksanakan dengan institusi bank, apakah perundangan? Maksudnya, kita ada senarai. Mungkin Puan Haiza boleh jelaskan senarai libat urus kita telah adakan pada – *since* tahun 2020 lagi. Mungkin Puan Haiza akan kongsi kan ya, siapakah ahli-ahli libat urus.

Puan Norhaiza binti Jemon: Antara *financial institutions* yang kita *engaged closely* adalah *the Association of Banks in Malaysia*. Mereka *represent the commercial banks* dan juga *Association of Islamic Banks in Malaysia*. So, both *conventional* dan *syariah-compliant banks* ini memang telah pun memberi pandangan dan pandangan mereka tidak *adverse*-lah kepada cadangan-cadangan kita.

Terdapat cadangan penambahbaikan yang telah kita ambil kira tetapi mereka tidak *object* terhadap peruntukan-peruntukan yang dicadangkan. Saya rasa *concern* berkaitan dengan *rescue financing* itu adalah *commercial decision*-lah *at the end of the day*.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Selain daripada persatuan-persatuan perbankan Malaysia, persatuan-persatuan perbankan Islamik yang lain – ahli-ahli yang telah kita konsultasi...? [*Merujuk kepada Puan Norhaiza binti Jemon*]

Puan Norhaiza binti Jemon: Selain daripada itu, Bank Negara kita *consult*. Kita juga *consult* dengan *other co-regulators*; SC, Bursa Malaysia. Mereka memberikan maklum balas berkaitan perkara-perkara ini dan menyokong, betul.

Tuan Pengerusi: Semuanya memberikan pandangan yang positif.

Puan Norhaiza binti Jemon: Betul, betul.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Badan-badan profesional. *Bar Council, Malaysian Institute of Accountants...*

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Okey, MAICSA dan semua badan-badan profesional yang diiktiraf.

Okey, keenam adalah, YB Pengerusi, ialah rehabilitasi institusi. Ini juga bertanyakan tentang implikasi terhadap institusi kewangan berkenaan dengan rehabilitasi sama ada mereka akan berat untuk beri pinjaman selepas undang-undang ini diluluskan.

Tetapi secara – respons saya bagi soalan ini adalah secara keseluruhannya hanya konsep rehabilitasi ini sebenarnya akan menguntungkan institusi-institusi

keuangan disebabkan mereka akan mempunyai *option* ya. Maksudnya syarikat-syarikat yang berhutang ini akan mempunyai *option* untuk rehabilitasi. Maksudnya, menguntungkan bank juga, maksudnya syarikat akan berupaya membayar hutang dengan lebih banyak lagi berbanding apabila syarikat itu digulungkan, ya. Apabila syarikat itu digulungkan seperti saya katakan tadi, apa saja baki aset yang tinggal ya, itu sahaja yang boleh dilunaskan oleh pelikuidasi, penyelesaian apabila penggulungan berlaku. Berbanding apabila syarikat itu direhabilitasi dan beroperasi, syarikat itu akan dapat menjana keuntungan dan hasil – penjana hasil tadi boleh mendapat pembayaran. Maksudnya, bank-bank akan dapat pembayaran yang lebih tinggi berbanding syarikat itu digulungkan.

Jadi, itulah konsep keseluruhan bagi rehabilitasi yang kami rasakan tidak akan memberi impak negatif kepada institusi-institusi kewangan. Sebaliknya akan memberi impak yang lebih positif ya, kepada bank apabila ada wujud satu *framework* perundangan bagi membolehkan syarikat itu direhabilitasi dan terus beroperasi selain daripada mereka digulungkan. Jadi itulah respons-respons daripada enam soalan YB Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berbahagia Datuk dan yang lain yang telah memberikan pencerahan berkenaan dengan soalan saya. Saya buka kepada YB lain ataupun ex-officio. Ya, Encik Abszra? Siapa nak dulu? Ha, YB Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Terima kasih saudara Pengerusi. Saya tiada soalan. Hanya nak buat pandanganlah, satu komentar yang ikhlas ya.

Pertama, taklimat yang hari ini lebih jelas berbanding yang sebelum ini ya. Ia lebih nampak spesifik, nampak lebih jelas.

Yang kedua, saya melihat bahawa ini usaha yang baiklah untuk menyelamatkan negara kita. Secara mudah, saya faham ada dua perkara. Satu, nak pulihkan syarikat-syarikat *private company* – sendirian berhad masuk termasuk juga dan juga *public listed*? Okey. Ertinya, kita nak pulihkan syarikat ini daripada dia dah *winding up*, susahlah ya.

Yang kedua, aspek yang dalam pindaan ini ialah berkenaan *beneficial owner* (pemunya benefisial).

■1240

Bagi saya ini satu *reform* undang-undanglah dan mungkin ini sebabnya kalau kita lihat – saya terpaksa cakaplah ya, ertinya 1MDB ini satu skandal besar berskala global. Kita tidak menyentuh tentang sesiapa tetapi yang berkaitan syarikat ini ramai yang pelaku-pelaku salah telah dihukum di mahkamah Manhattan, US; Goldman Sachs dan sebagainya. Juga di mahkamah Singapura.

Tetapi di tuan rumah sendiri tidak ada syarikat-syarikat yang *shell company* ini, syarikat-syarikat palsu-palsu ini, pengarah-pengarah dia ataupun – dikenakan tindakan. Mungkin inilah kekurangan yang ada pada *Company Act* kita. Mungkin agaknya. Itu anggapan sayalah *kan*, ya?

Satu lagi iaitu satu aspek *beneficial owner* ini. Ini satu langkah yang patriotik tahu, yang dilakukan oleh SSM. Saya sebagai rakyat rasa banggalah ya iaitu kita cuba hendak elakkan. Mungkin tak dapat selamatkan keseluruhannya. Berlaku lagi penyelewengan melalui *Pandora Papers, tax haven* dekat British Virgin Island-kah apa ya. Sebab kalau kita tengok dalam – saya mengikuti perbicaraan-perbicaraan di mahkamah kita bagaimana syarikat-syarikat palsu (*shell company*) ditubuhkan. Duit dia ke sana, ke sini, ke sini, akhirnya masuk ke satu entiti ya *kan*?

Jadi, yang rosaknya negara kita. Akhir sekali, saya rasa mungkin sudah banyak sangat selama ini skandal-skandal melibatkan syarikat besar. Saya boleh sebut. Perwaja Steel *company*, yang kerajaan terpaksa *bail out*. CIMB – *oh no, no*; Bank Bumiputera, Maminco, BMF, MAS, senarai dia panjanglah dan akhir sekali 1MDB.

Jadi, soalan saya, selepas libat urus oleh pihak tuan-tuan semua, ada siapa yang akan menentang perubahan ini? Ini satu pindaan. Satu *change*. Kita belajar fizik, setiap perubahan akan ada *resistance* yang akan menentang. Jadi, kami hendak tolong YB Timbalan Menteri nanti kalau bahas.

Jadi, kita kena *anticipate* siapa? Dari segi aspek mana ada yang orang tidak selesa terhadap RUU ini? Terima kasih.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Macam mana hendak jawab ya? Mungkin saya cuba katakan ini adalah usaha SSM dengan penzahiran BO yang lebih jelas. Undang-undang ini kita mulakan perkenalkan pada tahun 2016. Tarikh kuatkuasa akta 2016 itu adalah pada 31 Januari 2017. Itu tarikh kuat kuasa akta ini. Kita lihat kemungkinannya kalau YB Pasir Gudang sebutkan tadi 1MDB, saya tidak pasti permulaannya yang mungkin awal lagi.

Permulaannya – sebenarnya kita sudah ada perundangan sedia ada di bawah Akta Syarikat. Dia bermula kalau tidak silap 1MDB adalah berkenaan dengan audit KPMG. Pada ketika itu firma-firma juruaudit yang telah pun menjumpai perkara-perkara dalam audit 1MDB. Sesuatu yang tidak benar. Maksudnya *it's not true and fair view of the accounts being prepared*.

Itu juga telah berlaku. Maksudnya pelanggaran itu telah berlaku dan telah pun dilaporkan. Juruaudit telah pun mengambil tindakan untuk melaporkan *discrepancies in the accounts*. Jadi – tetapi rupanya dia menjadi sesuatu yang lebih besar. Pada ketika itu kemungkinannya sebelum tahun 2016, undang-undang

beneficial ownership ini diperkenalkan. Penzahiran itu belum ada lagi pada ketika perkara itu berlaku.

Tidak silap saya sebelum 2016-lah, semasa mula-mula lagi *discovery on* 1MDB melalui audit, *audit report* kepada *financial statements* syarikat 1MDB. Jadi, kemungkinannya apabila kita mempunyai penzahiran ini, di antara terutamanya, di antara *enforcement authorities* seperti SPRM, seperti PDRM bahagian siasatan jenayah komersial. Dia ada satu-satu badan *commercial crime* di PDRM. Mereka boleh mendapatkan maklumat siapakah yang mempunyai *control* ataupun kawalan terhadap syarikat. Walaupun namanya bukan di dalam senarai sebagai direktur, dia bukan direktur, dia juga bukan pemegang saham. Dia tidak dinamakan langsung dalam syarikat itu tetapi apabila kita ada penzahiran pemunya benefisial ini, maklumat itu akan ada di SSM.

Maklumat itu akan ada juga pada syarikat sebab kita di dalam perundangan yang kita cadangkan ini, pemunya benefisial itu sendiri ada tanggungjawab, kewajipan untuk melaporkan bahawa dia mempunyai kawalan. Jadi, kalau perundangan ini ada, pada ketika itu kemungkinan besar lebih awallah dapat dijejak kesalahan-kesalahan ini. Ini kemungkinan-kemungkinan.

Cuma ini adalah – respons saya adalah perundangan kita perlu ditambah baik untuk di masa akan datang akan lebih awal pengesanan itu boleh dibuat oleh badan-badan kawal selia dan penguat kuasa. Itu sahaja yang dapat saya rangkumkan di sini bahawa perundangan kita akan ada maklumat itu. Dengan pindaan-pindaan ini, kita akan mempunyai maklumat penting bagi memastikan siapakah yang mempunyai kawalan terhadap syarikat ataupun mereka yang berlindung di sebalik syarikat di mana *the corporate veil* boleh di-*lifted* untuk melihat siapakah orang-orang yang memberikan arahan-arahan kepada syarikat membuat keputusan syarikat. Jadi itu...

Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Boleh saya *rephrase* tidak?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya.

Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Kalau saya *rephrase* – tolong betulkan ya kalau saya salah. Kalau saya *rephrase* dengan mengatakan bahawa dengan pindaan ini, kes seperti 1MDB ini boleh kita sekat daripada berlaku?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Dia akan – mungkin lebih awallah. Mungkin lebih awal lagi. Saya tidak pasti – *based on case-to-case basis*. Cuma kita akan ada perundangan yang lebih jelas berkenaan dengan pelaporan.

Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh: *Transparent?*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: *Transparent*. Ya maksudnya ini adalah penzahiran. Pada ketika dahulu kita tidak ada penzahiran. Kita tidak ada

perundangan yang mewajibkan penzahiran siapa mempunyai kawalan terhadap syarikat.

Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] *But it doesn't work* untuk *retrospectively*. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Mungkin dapat dikesan lebih awal.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya. Mungkin dapat dikesan lebih awal.

Tuan Pengerusi: Mungkin hendak kata hendak halangkah, apakah sepenuhnya itu mungkin payah. Tetapi dapat dikesan, dapat dijejaki lebih awal dengan lebih berkesan. Saya rasa mungkin *safe* dari segi itu. Ya, Encik Abszra? Encik Abszra, dipersilakan.

Encik Abszra Davadason Peter [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik) (Seksyen Pengurusan dan Parlimen), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]: Terima kasih YB. Soalan saya adalah berkaitan slaid 21 yang berkaitan pembekalan barangan dan perkhidmatan penting.

Jadi, sebagai wakil daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan saya hendak tahulah apa konteks – dalam konteks ini adakah perkara ini berkaitan dengan kementerian ataupun industri makanan? Atau dia terhad kepada *essential goods* yang macam *utilities* dan sebagainya? Terima kasih.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Puan Haiza, tolong hendak bacakan senarai barang *essential goods* yang telah dinyatakan di bawah rang undang-undang ini. Dia seperti utiliti, bil elektrik, bil air, perkhidmatan. Silakan, Puan Haiza.

Puan Norhaiza binti Jemon: Sekarang ini yang kita letakkan *types of essential goods and services* adalah *supply of water, supply of electricity, gas, point-of-sales terminals, computer software and hardware, information – basically ICT; data storage and website hosting*.

■1250

Basically, apa yang kita letak ini adalah perkhidmatan-perkhidmatan perlu untuk memastikan syarikat terus beroperasi. Tidaklah kena potong air, elektrik. *You know*, ada kilang tetapi tidak boleh beroperasi kerana *electricity* telah dipotong. *So, the idea is actually* untuk terus...

Encik Abszra Davadason Peter: *It's overall industry* lah, semua industri tidak kira apa-apa yang digunakan.

Puan Norhaiza binti Jemon: Betul.

Encik Abszra Davadason Peter: Okey, terima kasih.

Dr. Salmah binti Sathiman: Yang Berhormat, boleh saya tanya? Mungkin saya ini tidak berapa arif tetapi saya hendak tanya sedikit di mana dinyatakan

bahawa RUU ini akan menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan jenayah yang berat dan lain-lain. Tetapi kalau kita pergi kepada polisi empat, itu saya kata saya tidak berapa arif, di mana yang objektif tersebut disasarkan melalui polisi keempat ini?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: ...sebenarnya kebanyakannya *housekeeping provision*. Kami mengambil peluang dalam pindaan asal tadi – tadi disebutkan adalah bagi mempertingkatkan kawal selia, tadi yang kita sebutkan objektif itu dan polisi empat adalah seperti yang kita sebutkan tadi. Satu ialah untuk kegunaan *website* SSM yang boleh digunakan sebagai pengiklanan. Ini adalah amalan baru yang kami cadangkan supaya opsyen ya, maksudnya syarikat-syarikat boleh mengiklankan tentang penggulungan melalui selain daripada iklan surat khabar, mereka boleh mengiklankannya di SSM.

Yang kedua, tadi bagi polisi empat adalah prinsip kebebasan juruaudit. Ini adalah tadbir urus yang kami ingin perjelaskan bagi kebebasan juruaudit. Yang kami perjelaskan tadi maksudnya walaupun kita memang mengekalkan konsep ataupun – kebebasan juruaudit. Juruaudit mestilah bebas semasa mereka menjalankan audit terutamanya audit kewangan. Di dalam Akta Syarikat ini adalah juruaudit dilantik ya. Juruaudit luar dilantik bagi memastikan akaun-akaun yang disediakan oleh syarikat itu memang sebenarnya mematuhi piawaian perakaunan dan juga adalah menggambarkan *true and fair view of the accounts of the company*.

Maksudnya, di sini kami memastikan kebebasan juruaudit itu – tadbir urus itu terjaga walaupun kita memberikan pengecualian-kecualian tadi. Maksudnya kita akan mengeluarkan dalam bentuk garis panduan ya bagaimana seorang juruaudit itu masih boleh dilantik apabila *spouse* ataupun kaum keluarganya berada dalam syarikat itu, dengan kami memastikan *conflict of interest* itu tidak berlaku. Maksudnya terma syarat itu akan kami nyatakan dalam bentuk garis panduan. So, di sinilah objektif kita adalah memastikan tadbir urus yang lebih baik.

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: Sekiranya saya boleh tambah. Sekiranya – minta maaf, kalau saya boleh mencelah.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya.

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: Saya rasa polisi itu lebih bersesuaian dengan polisi ketiga mengenai ketelusan di mana pegawai-pegawai penyiasat sekarang boleh mengguna pakai peruntukan di bawah cadangan akta ini untuk pemunya benefisial. *Kan* tadi kita sebutkan *criminal* mungkin menyorok di belakang *shell companies*. Kita tidak tahu siapa *behind shell companies* itu. Jadi, dengan ketelusan korporat ini ataupun *beneficial owner* punya *transparency* membolehkan pengenalpastian mereka yang di belakang *shell companies* atau syarikat-syarikat yang mungkin terlibat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: Ada, tetapi yang ini lebih *direct*. Sebab dulu *kan* kalau sebagai pegawai penyiasat, dia kalau hendak mengenal pasti siapa di bawah syarikat itu dia akan kena *peel*. Dia kena pergi satu-persatu, *layer* demi *layer*, demi *layer*, dan demi *layer*. Jadi, dengan *upfront beneficial owner* telah di-*register* satu keperluan kepada *company* untuk mendaftar ataupun menzahirkan siapa di belakang *company* itu sama ada dari segi penggunaan *share ownership* ataupun pengawalan (*control*). Jadi, orang yang di belakangnya boleh dikenal pasti dengan lebih cepat dari segi penyiasatan.

Walau bagaimanapun, satu, peruntukan ini adalah *the first step towards more effective*. Yang paling penting adalah semua pegawai-pegawai penyiasat menggunakan peruntukan ini dalam siasatan.

Dr. Salmah binti Sathiman: Sikit. Kalau katalah bukanlah *company* yang bermasalah tetapi sekiranya disyaki *company* itu mempunyai sebarang salah guna. Contohnya suspeklah. Jadi, kerajaan boleh masuk melalui peraturan ini untuk menyemak syarikat tersebut. Okey, okey.

Dr. Sarah Azlina binti Che Rohim: Menyemak. Ya, kita boleh menyemakkan. Kita boleh *compel*-kan juga. Sebab dia ada *multiple powers*. *Existing powers* pun boleh tetapi *currently* dia *make it more – strengthen the law in order for us to – for* penyiasat untuk *to get to the bottom of who's behind the companies*.

Dr. Salmah binti Sathiman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tetapi mungkin dalam keterangan yang disebut di sini, garis panduan itu lebih *generic kan?* Tak berapa nak menjawab kepada objektif....*[Tidak jelas]* ...perkataan ini amat berat sebenarnya. Dalam penerangan itu tidak dimasukkan, jadi kita tertanya-tanya dekat mana yang akta ini... *[Tidak jelas]* ...yang mana membolehkan pihak... *[Tidak jelas]*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Mungkin jawapan-jawapan tadi maksudnya objektif “*menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap pengubahan wang haram*” ya. Ini semua adalah fasal-fasal yang kita cadangkan di bawah polisi tiga tadi. Semua yang dicadangkan berkenaan dengan *beneficial ownership*, semua penambahbaikan, penjelasan perundangan sedia ada, dan kita memperkenalkan berdasarkan piawaian-piawaian FATF tadi, semuanya itu akan menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap pengubahan wang haram.

Disebabkan maklumat ini apabila dia jelas – macam Dr. Sarah sebutkan tadi, keperluan pendaftaran maklumat ya, maklumat yang kita telah sedia wujud di SSM, dia akan menjadi satu maklumat yang boleh dirujuk oleh badan-badan kawal selia yang lain. Badan-badan kawal selia seperti yang saya sebutkan tadi SPRM, *even* Bank Negara, PDRM yang menyiasat berkenaan dengan pengubahan wang haram.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Saya ada satu soalan boleh ya?

Tuan Pengerusi: Ya, soalan terakhir.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Agak perkataan undang-undang sikit. Ada disebut tadi, salah satu tanggungjawab *beneficial owner* yang sebenar melaporkan kepada SSM. Apa jadi kalau dia gagal atau sengaja tak nak melaporkan? Adakah SSM ada punya kuasa untuk bawa mereka ini dengan izin Peguam Negara untuk buat pertuduhan di mahkamah? Kenapa mesti serah kepada SPRM sahaja? Dia suruhanjaya. Ini pun suruhanjaya juga. Terima kasih.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Terima kasih. Itu dah bagi fasal 3 tadi, fasal 3 perenggan baharu 8A dan seksyen baharu 60D. Penzahiran itu, kewajipan itu memang ke atas BO, pemunya benefisial sendiri perlu menzahirkan kepada syarikat-syarikat itu sendiri bahawa dia adalah pemunya benefisial. Syarikat itu apabila dia telah merekodkan maklumat tersebut dalam data syarikat perlulah melapor kepada SSM 14 hari daripada tarikh maklumat itu dimasukkan dalam data syarikat.

Maksud SSM juga akan mempunyai maklumat itu dalam tempoh 14 hari dan akan menjadi kesalahan ya. Jadi, kita telah menjadikan dia *offence*, ada *offence clause* di bawah fasal 3 perenggan baharu 8A dan 60D ini, kita telah menjadikan dia kesalahan. Jika gagal mematuhi kewajipan ini adalah menjadi kesalahan dan sabitannya ialah tiga tahun penjara ataupun di bawah *default clause* peruntukan itu, kesalahan itu dan RM50,000 *default clause*. Maksudnya ada peruntukan kesalahan *offence clause* di situ.

Jadi, tindakan ini, sebab di bawah Akta Syarikat, SSM akan mengambil tindakan jika mereka, BO itu, didapati gagal menjalankan kewajipan melaporkan, menzahirkan bahawa dia sebenarnya adalah BO. Jadi, ini adalah dalam perundangan yang baharu yang kita cadangkan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: So, ini bermakna bahawa SSM ada pegawai pendakwaannya?

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ada.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: *Prosecution officer.*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya, ada.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Oh, terima kasih.

■1300

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: SSM memang – peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat adalah berbentuk *quasi-criminal*. Dia adalah dalam bentuk pendakwaan. Apabila dia adalah kesalahan jenayah, kami perlu siasat dan bila setelah kami siasat, kami akan merujuk kepada pendakwa raya untuk izin

dakwa ataupun ia adalah kesalahan *strict liability offences* kita akan mohon untuk kompaun. *Administrative sanction* ataupun pendakwaan adalah kepada mahkamah.

Tuan Khuzairi bin Yahaya [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan), Suruhajaya Syarikat Malaysia (SSM)]: Ok, Datuk. Saya tambah sikit ya, Datuk.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Ya, silakan.

Tuan Khuzairi bin Yahaya: SSM mempunyai seorang Timbalan Pendakwa Raya yang ditempatkan di SSM. Secara *permanent*-lah. Jadi, dengan bantuan TPR inilah tugas-tugas penguatkuasaan dilakukan dengan lebih efisien dan cepatlah. Tidak perlu kami pergi kepada AGC di ibu pejabat di Putrajaya kerana kami ada pegawai dalam TPR ini ditempatkan.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: *Secondment officer* kepada Peguam Negara.

Tuan Pengerusi: Maknanya pegawai – Timbalan Pendakwa Raya itu daripada AGC memang ditempatkan khas untuk...

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: SSM.

Tuan Pengerusi: ...SSM. Saya difahamkan setiap negeri ada Pegawai Pendakwa Raya, PO. Sebab saya pernah *handle* – lamalah, lama. *[Ketawa]*

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Betul.

Tuan Pengerusi: Saya rasa hampir 10 tahun dulu kes yang melibatkan SSM di Seremban di mahkamah sesyen kalau tak silap waktu itu. So, seperti mana yang Datuk kata, mana *quasi-judicial* itu PO yang *handle*. Ia tak rujuk kepada – tidak perlu Timbalan Pendakwa Raya yang bawa kes ke mahkamah.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Betul.

Tuan Pengerusi: So, dari segi ini saya rasa tak ada masalah. Tak perlu kita rujuk kepada SPRM.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Tak, tak. Tak perlu.

Tuan Pengerusi: Macam mana YB Pasir Gudang kata, *“Ini pun suruhanjaya juga.”* Sama *level*. Okey.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: SPRM tadi cuma sikit saja untuk penjelasan, akan membantu SPRM, akan membantu lain-lain badan penguat kuasa untuk mereka mendapat akses kepada maklumat yang kami simpan di pendaftaran kita. Itu saja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa banyak soalan dah. Okey, dan banyak soalan dan jawapan yang cukup komprehensif. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berbahagia Datuk CEO SSM dan juga semua wakil yang telah memberikan penjelasan.

Bagi saya sesi ini sangat bermakna, padat, sangat informatif. Memang seperti mana yang dikatakan oleh YB Pasir Gudang tadi, kalau hari itu tak jelas sangat sebab hari itu kita ada *dome* depan kita.

[Ketawa]

So, fokus itu mungkin dekat *dome* itu, YB Timbalan Menteri. Hari itu fokus itu *dome*. Hari ini kita fokus, ini betul-betul ini. [Ketawa]

Memang saya mengaku saya – kalau *compare* dengan dua minggu dulu, hari itu, fokus hari ini sangat menjurus kepada pembentangan dan bagi saya kalau inilah yang dibentangkan, saya rasa tak ada sebab untuk kita tidak menyokong.

Satu, untuk kita patuhi piawaian antarabangsa.

Kedua, untuk kita macam yang kluster 4 itu. Untuk kita ambil kesempatan pindaan ini, menambah baik apa saja tata kelola yang kita rasa perlu ditambah baik. Sebab kalau kita tak buat, takkan tahun depan kita nak bawa lagi satu RUU, buat pindaan terhadap akta ini. Nanti akan dipersoalkan, “*Kenapa hari itu tak buat?*”.

Ini asyik tiap-tiap tahun nak ulang RUU untuk akta induk yang sama. Saya rasa kurang baik. Bersekali, kita – dan saya nampak usaha yang berterusan daripada pihak SSM sendiri, pihak kementerian telah melakukan libat urus untuk tiga tahun sebenarnya. Ketika pandemik sehingga sekarang. Jadi, saya rasa tak ada sebablah untuk tak dapat diluluskan pada hujung bulan November nanti. Saya ucapkan terima kasih kepada semua. Saya sendiri akan bahas, saya akan sokong. Ini saya rasa kalau dia bagi lima minit, saya tak tahu saya nak cakap apa tahu.

[Ketawa]

Kalau boleh saya nak minta Timbalan Menteri tolong lobi dengan Speaker untuk saya cakap paling kurang 10 minit sebab banyak poin.

Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...nak lobi setengah jam.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Sebab saya rasa banyak yang perlu kita bawa. Banyak berdasarkan pembentangan, yang info yang saya dapat hari ini, banyak yang boleh saya sebutkan untuk kita menyokong. Sebab saya tak nampak ada kelemahan ataupun keburukan. Semuanya membawa kebaikan dan itulah sebabnya bila kita buat pindaan, kita bawa RUU, kita nak benda yang baik.

Kalau benda yang baik adalah tanggungjawab kita bersama dan saya percaya pihak pembangkang pun tak ada masalah untuk sokong sebab tadi Dato' Rosol pun – sebab waktu itu Dato' Rosol jadi Timbalan Menteri di KPDNHEP. Saya rasa beliau pun cukup arif berkenaan perlunya kita buat pindaan ini. Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang hadir yang telah memberikan satu sesi yang amat bermakna kepada pihak JKPK dan sekali lagi saya ucapkan terima

kasih kepada semua. Jadi, bolehlah makan tengah hari, ya? Dia kalau sambil makan itu payah sikit nak masuk. Hari ini senang masuk. Jadi, sekian terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.05 petang]